



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2600-9862



LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI PERLIS



2021

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN SOSIOEKONOMI **NEGERI PERLIS** **2021**

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah
"Connecting the world with data we can trust"

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM35.00

Diterbitkan pada Ogos 2022

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia".

ISSN 2600-9862

KATA PENGANTAR

Laporan Sosioekonomi Negeri 2021 merupakan penerbitan tahunan yang mengandungi maklumat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dari tahun 2015 hingga 2021 bagi 13 negeri dan 2 Wilayah Persekutuan. KDNK dianggarkan mengikut aktiviti ekonomi pada harga malar 2015 berdasarkan kaedah pengeluaran. Selain daripada KDNK, statistik indeks harga pengguna, kependudukan, tenaga buruh, migrasi, pelancongan domestik, perdagangan serta akaun kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan turut dimuatkan dalam laporan ini.

Penganggaran KDNK dilaksanakan berdasarkan rangka kerja manual antarabangsa iaitu *System of National Accounts 2008*. Selain itu, antara rujukan yang digunakan bagi penyusunan statistik-statistik lain adalah seperti *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*, *Manual I - Methods of Estimating Total Population for Current Dates*, *The Method & Materials of Demography* dan *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts & Methods*. Selaras dengan perubahan pada peringkat nasional, anggaran KDNK pada tahun 2019 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini dan sumber-sumber lain. Semakan semula data juga dilaksanakan bagi KDNK 2020 manakala KDNK tahun 2021 merupakan data permulaan.

Laporan ini mengandungi enam bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan senario ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia dan ringkasan penemuan prestasi ekonomi bagi setiap negeri. Bahagian kedua membentangkan perincian prestasi ekonomi negeri, pertumbuhan mengikut aktiviti ekonomi serta indeks harga pengguna. Seterusnya, statistik berkaitan demografi dan sosial seperti penduduk dan tenaga buruh dibentangkan dalam bahagian ketiga manakala pelancongan domestik dimuatkan di bahagian keempat laporan ini. Statistik perdagangan serta akaun kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan masing-masing diperihalkan pada bahagian lima dan enam. Nota teknikal, jadual perangkaan dan indikator-indikator daripada agensi terpilih turut terkandung dalam laporan ini. Maklumat mengenai metodologi, sumber data dan glosari boleh didapati melalui portal Jabatan.

Beberapa penambahbaikan telah dibuat bagi laporan yang merupakan siri kelima ini. Antaranya penulisan berkaitan topik Migrasi penduduk di peringkat nasional dan negeri dimasukkan pada bahagian ketiga. Selain itu, terdapat tambahan sembilan jadual statistik dan lima indikator terpilih daripada Kementerian dan agensi turut dimuatkan dalam laporan ini.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membekalkan maklumat yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan laporan ini. Cadangan dan pandangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia
Ogos 2022

SINGKATAN

2008 SNA	: <i>System of National Accounts 2008</i>
b	: bilion
d.s.b.	: dan sebagainya
IHP	: Indeks Harga Pengguna
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IMF	: <i>International Monetary Fund</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
MB	: Majlis Bandaraya
MD	: Majlis Daerah
MIDA	: <i>Malaysian Investment Development Authority</i>
MP	: Majlis Perbandaran
MPOB	: <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
OECD	: <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OSHA	: <i>Occupational Safety and Health Act</i>
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
R.O.C	: <i>Republic of China</i>
SARS	: Sindrom pernafasan akut teruk
ST	: Suku tahun
t.t.t.l.	: tidak terkelas di tempat lain
UN WESP	: <i>United Nations World Economic Situation and Prospects</i>
USA	: <i>United States of America</i>
W.P.	: Wilayah Persekutuan

SIMBOL

..	: tidak berkenaan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan
r	: <i>revised</i>
t	: tahun
%	: peratus

UNIT/UKURAN

RM	: Ringgit Malaysia
USD	: Mata wang United States of America (USA)
S\$	: Mata wang Singapore
NT\$	: Mata wang Taiwan
Won	: Mata wang Republic of Korea
Kg	: Kilogram

NOTA

1. Kawasan Euro: Negara Germany, France, Ireland, Spain, Italy, Greece, Belgium, Luxembourg, Netherlands, Austria, Portugal, Finland, Slovenia, Cyprus, Malta, Slovakia, Estonia, Latvia dan Lithuania
2. Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	i
SINGKATAN / SIMBOL	ii
UNIT/ UKURAN / NOTA	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA	ix
SENARAI PAPARAN	xi
SOROTAN UTAMA	xiii

01	PENGENALAN	Senario ekonomi global	3
		Senario ekonomi Malaysia	16
		Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2021	18
		Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2022	29
		Rencana 1: Indeks nilai ditambah ekonomi mengikut negeri, 2020-2021	39
		Prestasi ekonomi negeri 2021	52
		Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri	53
		Struktur ekonomi mengikut negeri	58
		KDNK per kapita	58
02	PRESTASI EKONOMI PERLIS	Sosioekonomi Perlis 2021	63
		Prestasi ekonomi Perlis 2021	64
		Prestasi Mengikut Sektor	67
		Sektor Pertanian	67
		Sektor Perlombongan dan pengkuarian	68
		Sektor Pembinaan	68
		Sektor Pembuatan	69
		Sektor Perkhidmatan	69
		* Perdagangan borong dan runcit	70
		* Utiliti	70
		* Perkhidmatan maklumat dan komunikasi	71
		* Penginapan dan makanan & minuman	71
		* Pengangkutan dan penyimpanan	71
		* Perkhidmatan perniagaan	71
		* Perkhidmatan pendidikan swasta	72
		* Perkhidmatan kesihatan swasta	72
		* Perkhidmatan kerajaan	72
		Kadar Vaksinasi, 2021	75
		Pakej Rangsangan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, 2020-2021	75
		Pakej Rangsangan, Bantuan dan Insentif kerajaan negeri, 2020-2022	76
		Indeks Harga Pengguna	77
		Rencana 2: Kesan pertumbuhan pekerja gig serta faktor pengaruh ekonomi gig platform terhadap pengusaha perniagaan tempatan dalam tempoh COVID-19	80
03	DEMOGRAFI SOSIAL	Penduduk	93
		* Kelahiran	95
		* Kesuburan	96
		* Kematian	97
		* Jangkaan hayat	100
		Tenaga Buruh	102
		* Penduduk bekerja	102
		* Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran	104
		Statistik Siswazah	105
		* Statistik siswazah Malaysia	105
		* Statistik siswazah Perlis	108
		Migrasi	110
		* Migrasi Malaysia	110
		* Migrasi Perlis	111

04	STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK	Statistik pelancongan domestik Malaysia	115
		* Statistik utama pelancongan domestik	115
		* Pelawat domestik	116
		* Perjalanan pelancongan domestik	116
		* Perbelanjaan pelancongan domestik	116
		Statistik pelancongan domestik Perlis	117
		* Kedatangan pelawat, 2021	117
		* Negeri asal pelancong, 2021	117
		* Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021	118
		* Terimaan pelancongan domestik, 2020	118
		* Tujuan perjalanan, 2020	119
05	STATISTIK PERDAGANGAN	Statistik perdagangan Malaysia	123
		* Jumlah perdagangan	123
		* Eksport	123
		* Eksport mengikut negara destinasi	124
		* Import	125
		* Import mengikut negara asal	125
		Sorotan perdagangan Perlis	126
		* Eksport dan import utama	126
		* Eksport barangan	126
		* Import barangan	127
		* Rakan Dagang Utama	127
		* Imbangan perdagangan	128
06	STATISTIK AKAUN KERAJAAN	Statistik akaun Kerajaan Persekutuan	131
		* Hasil Kerajaan Persekutuan	131
		* Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	132
		* Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	132
		* Statistik akaun kerajaan negeri	133
		* Hasil kerajaan negeri	133
		* Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri	134
		* Surplus/defisit kerajaan negeri	135
		Pihak berkuasa tempatan	136
		Statistik akaun Kerajaan Negeri Perlis	140
		* Hasil Kerajaan Negeri Perlis	140
		* Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perlis	141
		* Surplus/defisit Kerajaan Negeri Perlis	142
		* Pihak Berkuasa Tempatan Perlis	144
07	NOTA TEKNIKAL	Akaun Negara	147
		Indeks Harga Pengguna	151
		Penduduk	152
		Tenaga Buruh	157
		Statistik Siswazah	160
		Migrasi	163
		Pelancongan Domestik	166
		Statistik Perdagangan	171
08	JADUAL STATISTIK	Akaun Negara	177
		* KDNK Nasional	177
		* KDNK Negeri	226
		* KDNK Perlis	242
		Indeks Harga Pengguna	244
		Penduduk	246
		Statistik pertubuhan perniagaan	249
		Tenaga Buruh	249
		Statistik Siswazah	255
		Statistik Pelancongan	257
		Eksport dan import	259
		Alam Sekitar	260
		Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia	262

09	INDIKATOR LAIN TERPILIH	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara	267
		Kementerian Pendidikan Malaysia	272
		Kementerian Kesihatan Malaysia	273
		Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman	275
		Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	276
		Pertubuhan Keselamatan Sosial	276
		Kementerian Sumber Manusia	276
		Polis Diraja Malaysia	278
		Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	279
		Kementerian Kewangan Malaysia	282
		Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	282

SENARAI JADUAL

1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih (%), 2013-2021	4
1.2	Perubahan peratusan produktiviti buruh tahunan mengikut aktiviti ekonomi, 2020-2021	28
1.3	Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, ST1 2020-ST1 2022	35
1.4	KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)	58
1.5	Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2021	59
1(a)	Skor dan penerangan	44
1(b)	Indeks nilai ditambah mengikut negeri (2019=100), Malaysia, 2020-2021	45
1(c)	Indeks nilai ditambah mengikut negeri dan sektor utama (2019=100), Malaysia, 2020-2021	46
2.1	Prestasi sektor Perkhidmatan, Perlis, 2020-2021	74
2.2	Purata harga item terpilih, Perlis, 2020-2021	78
2.3	Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Perlis*, 2020-2021	79
2.4	Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Perlis*, 2020-2021	79
2(a)	Penilaian unidimensionality mengikut pembolehubah	82
2(b)	Goodness of Fit Model	82
2(c)	Structural Equation Modelling (SEM)	87
3.1	Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perlis, 2020-2021	93
3.2	Struktur umur penduduk, Perlis, 2020-2021	93
3.3	Nisbah tanggungan, Perlis, 2020-2021	94
3.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perlis, 2020-2021	94
3.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)	95
3.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)	96
3.7	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)	97
3.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)	98
3.9	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perlis, 2016-2021	103
3.10	Penduduk bekerja mengikut sektor, Perlis, 2016-2021	104
3.11	Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Perlis, 2020-2021	109
3.12	Lima negeri destinasi oleh migran dari Perlis dan negeri asal oleh migran ke Perlis, 2020	111
4.1	Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021	115
4.2	Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021	116
4.3	Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perlis, 2020-2021	117

SENARAI JADUAL

5.1	Eksport barangan mengikut komoditi utama Perlis, 2015-2021 ^p	126
5.2	Import barangan mengikut komoditi utama Perlis, 2015-2021 ^p	127
5.3	Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Perlis, 2021 ^p	128
6.1	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2019-2020	131
6.2	Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2019-2020	132
6.3	Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Perlis, 2019-2020	141
6.4	Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perlis, 2019-2020	142
6.5	Surplus/defisit Kerajaan Negeri Perlis, 2019-2020	142
6.6	Kedudukan kewangan PBT Perlis, 2019-2020- RM juta	144
8.1	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2021 - RM juta	177
8.2	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2021 - Perubahan peratusan tahunan	180
8.3	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK	183
8.4	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2021 - RM juta	186
8.5	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2021 - Perubahan peratusan tahunan	188
8.6	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK	190
8.7	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - RM juta	192
8.8	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	192
8.9	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - RM juta	193
8.10	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	193
8.11	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - RM juta	194
8.12	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	200
8.13	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	206
8.14	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2018-ST1 2022 - Peratus sumbangan kepada KDNK	212
8.15	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2019-ST1 2022 - RM juta	218
8.16	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2019-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	220
8.17	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2019-ST1 2022 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	222
8.18	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2019-ST1 2022 - Peratus sumbangan kepada KDNK	224
8.19	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2021 - RM juta	226
8.20	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2021 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	226
8.21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - RM juta	227
8.22	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 -Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	227
8.23	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	228
8.24	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - RM juta	229
8.25	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Perubahan peratusan tahunan	229
8.26	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	230
8.27	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	230
8.28	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - RM juta	231
8.29	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Perubahan peratusan tahunan	231
8.30	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	232

SENARAI JADUAL

8.31	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	232
8.32	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - RM juta	233
8.33	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Perubahan peratusan tahunan	233
8.34	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	234
8.35	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	234
8.36	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - RM juta	235
8.37	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Perubahan peratusan tahunan	235
8.38	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	236
8.39	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	236
8.40	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - RM juta	237
8.41	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Perubahan peratusan tahunan	237
8.42	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	238
8.43	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2020 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	238
8.44	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - RM juta	239
8.45	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Perubahan peratusan tahunan	239
8.46	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	240
8.47	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2021 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	240
8.48	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2021 - RM juta	241
8.49	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2021 - RM	241
8.50	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perlis, 2015-2021 - RM juta	242
8.51	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perlis, 2015-2021 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	243
8.52	Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2015-2021	244
8.53	Peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2015-2021	244
8.54	Indeks Harga Pengguna, Kedah & Perlis, 2015-2021	245
8.55	Peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Kedah & Perlis, 2015-2021	245
8.56	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, Malaysia, 2015-2021	246
8.57	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, Malaysia, 2020	247
8.58	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2015-2021	248
8.59	Bilangan pertubuhan/syarikat perniagaan mengikut sektor dan negeri, 2020	249
8.60	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, Malaysia, 2021	249
8.61	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, Malaysia, 2021	250
8.62	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, Malaysia, 2021	251
8.63	Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, 2015-2021	254
8.64	Statistik utama siswazah, Perlis, 2016-2021	255
8.65	Purata gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, Malaysia, 2016-2021	256
8.66	Penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, Malaysia, 2016-2021	256
8.67	Bilangan pelawat domestik mengikut negeri dikunjungi, 2015-2021	257
8.68	Bilangan pelancong mengikut negeri dikunjungi, 2021	258
8.69	Perdagangan luar negeri mengikut lokasi - eksport dan import, Malaysia, 2015-2021-RM juta	259
8.70	Eksport dan import barangan mengikut pintu keluar dan masuk, Perlis, 2015-2021 - RM juta	260

SENARAI JADUAL

8.71	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri, Malaysia, 2017-2020	260
8.72	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, Malaysia, 2020	261
8.73	Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, Perlis, 2017-2020	261
8.74	Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, Perlis, 2017-2020	262
8.75	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut komponen dan negeri, 2021	262
8.76	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut negeri dan strata, 2021	263
9.1	Bilangan hotel mengikut lokasi, Perlis, 2021	267
9.2	Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2015-2021	267
9.3	Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut penarafan bintang, Perlis, 2015-2021	267
9.4	Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2015-2021	268
9.5	Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, Perlis, 2021	270
9.6	Siri masa ringkasan nilai transaksi harta tanah mengikut kategori pemberi pindah milik dan penerima pindah milik, Perlis, 2015-2021	271
9.7	Statistik terpilih pendidikan mengikut negeri, 2020	272
9.8	Siri masa bilangan kes penyakit berjangkit, Perlis, 2015-2020	273
9.9	Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, Perlis, 2020	273
9.10	Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, Perlis, 2020	273
9.11	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam*, 2015-2020	274
9.12	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor swasta*, 2015-2020	274
9.13	Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2015-2021	275
9.14	Statistik utama kemalangan pekerjaan, Perlis, 2020	276
9.15	Statistik jenayah, Perlis, 2018-2020	278
9.16	Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengikut rantau dan ekonomi, 2016-2021, USD juta	278
9.17	Jumlah dan jenis pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2018-2021	279
9.18	Jumlah dan jenis pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut industri, Perlis, 2018-2021	280
9.19	Nilai pelaburan projek pembuatan yang diluluskan oleh penyertaan asing mengikut negara, Perlis, 2018-2021	281
9.20	Nilai pemberian sebenar kepada kerajaan negeri, Perlis, 2020	282
9.21	Statistik terpilih internet dan media sosial mengikut negeri, 2020	282

SENARAI CARTA

1.1	KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar	21
1.2	KDNK mengikut kaedah pengeluaran dan perbelanjaan (% sumbangan) pada harga malar	21
1.3	Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan	21
1.4	Prestasi sektor Pembuatan, tahunan	22
1.5	Prestasi sektor Pertanian, tahunan	22
1.6	Prestasi sektor Pembinaan, tahunan	22
1.7	Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, tahunan	23
1.8	Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta, tahunan	23
1.9	Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan, tahunan	23
1.10	Prestasi pembentukan modal tetap kasar, tahunan	24
1.11	Prestasi eksport, tahunan	24
1.12	Prestasi import, tahunan	24
1.13	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2020-2022	32
1.14	KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2019-2022	32
1.15	Prestasi sektor Perkhidmatan, suku tahunan	32
1.16	Prestasi sektor Pembuatan, suku tahunan	32
1.17	Prestasi sektor Pertanian, suku tahunan	33
1.18	Prestasi sektor Pembinaan, suku tahunan	33
1.19	Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, suku tahunan	33
1.20	Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir, suku tahunan	34

SENARAI CARTA


1.21	Prestasi pembentukan modal tetap kasar, suku tahunan	34
1.22	Prestasi eksport dan import, suku tahunan	34
1.23	Pertumbuhan KDNK bulanan, suku tahunan dan tahunan	34
1.24	Indeks Pelopor (2015=100) dan kitaran perniagaan (kawasan berlorek kelabu), Januari 1991 hingga Mei 2022	38
1.25	Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2021	59
1(a)	Carta pengagihan skor mengikut sektor ekonomi dan negeri	47
1(b)	Plot skor dengan indeks nilai ditambah mengikut negeri, Malaysia, 2021	48
1(c)	Plot skor dengan pertumbuhan KDNK mengikut negeri, Malaysia, 2021	48
1(d)	Plot skor dengan nilai ditambah mengikut negeri, Malaysia, 2021	49
2.1	Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perlis, 2015-2021	65
2.2	Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perlis, 2021	65
2.3	Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perlis, 2020-2021	65
2.4	Prestasi sektor Pertanian, Perlis, 2020-2021	73
2.5	Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perlis, 2015-2021	73
2.6	Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perlis, 2021	73
2.7	Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perlis, 2021	73
2.8	Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perlis, 2021	73
2.9	Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Perlis, 2021	73
2.10	Perubahan tahunan IHP, Perlis*, 2011-2021	79
2(a)	Peratusan penggunaan platform penghantaran makanan secara dalam talian	86
2(b)	Purata pendapatan penggunaan perkhidmatan penghantaran makanan	86
3.1	Kadar kelahiran kasar, Perlis, 2011-2020	95
3.2	Kadar kesuburan jumlah, Perlis, 2011-2020	96
3.3	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perlis, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)	97
3.4	Kadar kematian bayi, Perlis, 2010-2020	97
3.5	Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perlis, 2010-2020	98
3.6	Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perlis, 2010-2021	102
3.7	KPTB dan kadar pengangguran, Perlis, 2010-2021	104
3.8	Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021	105
3.9	Statistik utama siswazah, Perlis, 2020-2021	108
3.10	Statistik utama siswazah mengikut jantina, Perlis, 2021	109
3.11	Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020	110
4.1	Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perlis, 2021	117
5.1	Perdagangan Perlis dengan dunia, 2015-2021 ^p	126
6.1	Kutipan hasil kerajaan negeri, 2019-2020	133
6.2	Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2019-2020	134
6.3	Surplus/defisit mengikut negeri, 2019-2020 - RM juta	135
6.4	Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020	137
6.5	Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020	138
6.6	Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020	139
6.7	Hasil Kerajaan Negeri Perlis, 2020	140
6.8	Siri masa hasil Kerajaan Negeri Perlis, 2015-2020	140
6.9	Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perlis, 2015-2020	141
6.10	Kutipan cukai taksiran PBT Perlis, 2019-2020 - RM juta	144

SENARAI PAPARAN


2.1	Nilai ditambah mengikut sektor utama Perlis, 2021	66
2.2	Komposisi sektor Pembinaan, Perlis, 2021	68
2.3	Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan	69
2(a)	Structural Equation Modelling (SEM)	85
3.1	Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Perlis, 2020	99
3.2	Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Perlis, 2020	99
3.3	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perlis, 2017-2021	100
3.4	Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perlis, 2017-2021	100
3.5	Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perlis, 2017-2021	101
3.6	Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)	106
3.7	Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021	106
3.8	Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021	107
3.9	Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021	107
4.1	Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021	116
4.2	Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021	117
4.3	Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perlis, 2021	118
4.4	Terimaan pelancongan domestik, 2019-2020	118
4.5	Terimaan daripada pelawat domestik ke Perlis mengikut komponen, 2019-2020	119
4.6	Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Perlis, 2020	119
5.1	Rakan dagangan utama, 2021	124
5.2	Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2021	124
5.3	Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapore, 2021	124
5.4	Produk yang mempengaruhi penurunan import dari China, 2021	125
5.5	Produk yang mempengaruhi penurunan import dari Singapore, 2021	125

GLOBAL


Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih (%), 2020-2021



- USA ↑ 5.7%
- Kawasan Euro ↑ 5.4%
- Japan ↑ 2.2%
- United Kingdom ↑ 7.4%
- Negara maju yang lain ↑ 5.1%



- Emerging and Developing Asia ↑ 7.3%
- Emerging and Developing Europe ↑ 6.7%
- Latin America and the Caribbean ↑ 6.9%
- Middle East and Central Asia ↑ 5.8%
- Sub-Saharan Africa ↑ 4.6%



- Ekonomi di peringkat global mulai memulih pada 2021, dengan pertumbuhan 6.1 peratus berbanding penyusutan 3.1 peratus pada 2020.
- Semua ekonomi negara terpilih mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.
- Ekonomi China dan Taiwan terus kukuh dipacu oleh aktiviti eksport produk elektro-mekanikal dan permintaan terhadap industri semikonduktor.


“Ekonomi dunia diunjurkan menurun kepada **2.9%** pada tahun **2022**.”

Sumber: World Bank, June 2022

Sumber: National Statistics Office (NSO) dan IMF World Economic Outlook, July 2022
*Emerging Markets Developing Economies

MALAYSIA

Perubahan peratusan tahunan KDNK (%), 2019-2021



“Ekonomi Malaysia diunjurkan meningkat kepada **5.3%** sehingga **6.3%** pada tahun **2022**.”

Unjuran pertumbuhan mengikut sektor:

- Perkhidmatan **6.9%**
- Pembinaan **6.1%**
- Pembuatan **5.2%**
- Perlombongan dan pengkuarian **2.5%**
- Pertanian **1.5%**

Sumber: BNM, 2022

Prestasi Indikator Terpilih, 2021



Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri 2021



KDNK

RM5.9 b
2021: 1.5%
(2020: -6.0%)



INDEKS HARGA PENGGUNA**

2.7%
(2020: -1.8%)



JUMLAH PENDUDUK

287.6 ribu
(2020: 284.9 ribu)

Nisbah Jantina

Lelaki



100

Perempuan



100

Struktur Umur Penduduk



Penduduk berumur 0 -14
tahun (umur muda)

19.9%



Penduduk berumur 15 - 64
tahun (umur bekerja)

72.1%



Penduduk berumur 65
tahun dan lebih (umur tua)

8.0%

Indeks Kebahagiaan Rakyat



7.0

Jumlah Jenayah Kekerasan*



81

Jumlah Jenayah Harta Benda*



418

Nota:

PBT = Pihak Berkuasa Tempatan

Pertumbuhan

Sumbangan

*Data tahun 2020

**Termasuk Kedah

PRESTASI EKONOMI MENGIKUT SEKTOR



PERKHIDMATAN

70.2%



2.3%

(2020: -1.2%)



PERTANIAN

17.4%



-6.0%

(2020: -18.5%)



PEMBUATAN

8.0%



5.4%

(2020: -5.6%)



PEMBINAAN

2.6%



0.2%

(2020: -9.6%)



PERLOMBONGAN & PENGKUIARIAN

0.5%



-2.3%

(2020: -9.8%)

STATISTIK PERDAGANGAN

Jumlah Perdagangan: RM2.0 b



Eksport
barangan : RM1.2 b
(2020: RM1.0 b)

18.1%



Import
barangan : RM0.9 b
(2020: RM0.7 b)

19.6%

Eksport Barangan Utama



RM326 juta
(2020: RM346 juta)

28.2%

Pakaian dan segala
kelengkapan pakaian
terpilih



RM123 juta
(2020: RM110 juta)

10.6%

Barangan elektrik dan
elektronik yang lain



RM38 juta
(2020: RM38 juta)

3.3%

Oleokimia berasaskan
kelapa sawit

Import Barangan Utama



RM106 juta
(2020: RM93 juta)

13.5%

Sayur-sayuran



RM55 juta
(2020: RM17 juta)

6.4%

Barangan elektrik dan
elektronik yang lain



RM50 juta
(2020: RM5 juta)

5.8%

Perkakas litar elektrik & alat ganti

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

0.41 juta pelawat domestik
(2020: 1.19 juta pelawat domestik)

-65.9%



0.13 juta pelancong
(2020: 0.41 juta pelancong)

-68.5%

STATISTIK AKAUN KERAJAAN*

Hasil Kerajaan Negeri Perlis

RM113.7 juta
(2019: RM151.3 juta)

-24.8%



Pendapatan PBT Perlis

RM30.8 juta
(2019: RM31.1 juta)

1.0%

Bilangan Tenaga Buruh



113.3 ribu orang
(2020: 110.3 ribu orang)

Kadar Pengangguran



4.3%
(2020: 4.3%)

Statistik Siswazah

Bilangan siswazah:

43.5 ribu orang
(2020: 40.3 ribu orang)



Tenaga buruh siswazah:

32.5 ribu orang
(2020: 30.4 ribu orang)

PENGENALAN

SENARIO EKONOMI GLOBAL

- Pelaksanaan program imunisasi bagi membendung penularan COVID-19
- Prospek ekonomi global 2022

SENARIO EKONOMI MALAYSIA

- Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2021
- Inflasi
- Pasaran tenaga buruh
- Luar tenaga buruh
- Produktiviti buruh
- Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2022
- Prospek ekonomi Malaysia 2022
- Rencana 1: Indeks nilai ditambah ekonomi mengikut negeri, 2020-2021

PRESTASI EKONOMI NEGERI 2021

- Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri
- Struktur ekonomi mengikut negeri
- KDNK per kapita



SENARIO EKONOMI GLOBAL

Manifestasi keteguhan pemulihan ekonomi dunia diperlihatkan melalui pencapaian Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang meningkat sebanyak 6.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -3.1%) berdasarkan laporan oleh *International Monetary Fund* (IMF) dalam *World Economy Outlook* (WEO) July 2022. Pembukaan semula aktiviti ekonomi di seluruh dunia menghidupkan kembali sektor Perkhidmatan lantas mendorong pertumbuhan ekonomi. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan kehadiran fizikal seperti pelancongan, hospitaliti dan penerbangan kian rancak berbanding tahun sebelumnya ekoran daripada kelonggaran sekatan perjalanan. Ini turut didorong oleh keberkesanan pelaksanaan program vaksinasi yang telah dijalankan di seluruh dunia dengan kadar vaksinasi ialah 49.0 peratus pada Disember 2021 (*Our World in Data*, 2021). Meskipun begitu, pelaksanaan vaksinasi adalah tidak sekata merentasi seluruh dunia apabila negara maju mempunyai kadar vaksinasi yang lebih tinggi berbanding negara yang sedang membangun seperti yang dilaporkan oleh *United Nations* dalam laporan *World Economic Situation and Prospects* (UN WESP) 2022. Perdagangan antarabangsa terus kukuh dengan merekodkan peningkatan dalam volum barangan dan perkhidmatan sebanyak 10.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -7.9%) berikutan daripada pemulihan dalam rantai bekalan global serta didorong oleh perbelanjaan pengguna yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pemulihan ini sedikit terjejas akibat daripada kemunculan varian baharu Omicron sejak akhir November 2021.

United States of America (USA)

USA kembali pulih apabila mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan pada tahun 2021. Memetik kenyataan daripada *Bureau of Economic Analysis USA* (BEA) 2022, USA mengalami pemulihan ekonomi yang signifikan pada tahun 2021 iaitu 5.7 peratus berbanding pada tahun 2020 (-3.4%). Prestasi yang memberangsangkan ini merupakan lonjakan terbesar selepas pertumbuhan kukuh 7.2 peratus pada tahun 1984. Kegiatan ekonomi yang rancak terutamanya pada suku tahun keempat 2021 pada kadar 6.9 peratus menyumbang kepada pertumbuhan ini.

“

6.1% KDNK
dunia, manifestasi
pemulihan ekonomi
2021



Perkembangan ekonomi di negara ini turut dipacu oleh *Personal Consumption Expenditure* (PCE) yang meningkat pada kadar 7.9 peratus (2020: -3.8%) susulan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi (BEA, 2022). Perbelanjaan khususnya bagi barangan dan perkhidmatan merupakan faktor kepada peningkatan ini. Perbelanjaan dalam barangan berkembang pada kadar 12.2 peratus (2020: 4.6%) dengan penyumbang utamanya adalah barangan-barangan lain yang tidak tahan lama (barangan permainan dan barangan farmasi), pakaian & kasut, serta barangan rekreasi & kenderaan. Selain itu, perbelanjaan dalam perkhidmatan bertumbuh pada kadar 5.8 peratus (2020: -7.5%) dirangsang oleh permintaan yang tinggi dalam perkhidmatan kewangan dan insurans, pengangkutan, segmen kesihatan dan perkhidmatan penginapan, makanan dan minuman.

Seterusnya, perbelanjaan terhadap pelaburan kasar meningkat 9.8 peratus berbanding penurunan 5.5 peratus pada tahun lepas didorong oleh pelaburan tetap dan pelaburan rumah kediaman.

Berdasarkan BEA 2022, industri perdagangan merupakan salah satu tunjang kekuatan ekonomi USA dan merekodkan kadar pertumbuhan eksport sebanyak 4.5 peratus berbanding pada tahun sebelumnya (2020: -13.6%) disokong oleh peningkatan dalam eksport barangan sebanyak 7.6 peratus. Antara komoditi utama eksport barangan adalah barangan pengguna, baja, makanan dan minuman serta barangan industri. Pada masa yang sama, import mengukuh 14.0 peratus (2020: -8.9%) diterajui oleh barangan bukan makanan dan barangan pengguna bukan automotif.

Jadual 1.1 Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih (%), 2013-2021

Negara	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Ekonomi Dunia	3.5	3.6	3.5	3.3	3.8	3.6	2.8	-3.1	6.1
Negara Maju	1.4	2.1	2.4	1.8	2.5	2.3	1.6	-4.5	5.2
USA	1.8	2.3	2.7	1.7	2.3	2.9	2.3	-3.4	5.7
Kawasan Euro	-0.2	1.4	2.0	1.9	2.6	1.9	1.3	-6.4	5.4
Germany	0.4	2.2	1.5	2.2	2.6	1.3	0.6	-3.7	2.6
France	0.6	1.0	1.1	1.1	2.3	1.8	1.5	-7.8	6.8
Japan	2.0	0.3	1.6	0.8	1.7	0.6	0.0	-4.5	2.2
UK	2.2	2.9	2.4	1.7	1.7	1.3	1.4	-9.3	7.4
Negara EMDE*	5.1	4.7	4.3	4.5	4.8	4.5	3.7	-2.0	6.8
China	7.8	7.4	7.0	6.8	6.9	6.7	6.0	2.2	8.1
Republic of Korea	3.2	3.2	2.8	2.9	3.2	2.9	2.2	-0.7	4.1
Singapore	4.8	3.9	3.0	3.3	4.5	3.5	1.3	-4.1	7.6
Thailand	2.7	1.0	3.1	3.4	4.2	4.2	2.3	-6.2	1.5
Philippines	6.8	6.3	6.3	7.1	6.9	6.3	6.1	-9.5	5.7
Indonesia	5.6	5.0	4.9	5.0	5.1	5.2	5.0	-2.1	3.7
Taiwan	2.5	4.7	1.5	2.2	3.3	2.8	3.0	6.5	6.6
Malaysia	4.7	6.0	5.1	4.4	5.8	4.8	4.4	-5.5	3.1

Sumber: World Bank, IMF World Economic Outlook July 2022 dan National Statistics Office (NSO)

*Emerging Markets Developing Economies

Perbelanjaan kad kredit mingguan juga bertumbuh pada kadar positif melebihi 0.04 peratus di beberapa daerah di USA sejajar dengan kadar perbelanjaan penggunaan peribadi yang semakin meningkat (IMF WEO, October 2021). Kadar penerimaan vaksin dos pertama yang tinggi dalam kalangan rakyat USA juga menyemai keyakinan rakyat untuk keluar berbelanja.

Memetik kenyataan laporan yang dikeluarkan oleh *U.S. Bureau of Labor Statistics* (BLS) 2022, pertambahan peluang pekerjaan sebanyak 2.6 juta pada tahun 2021 telah menyebabkan kadar pengangguran menurun kepada 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 8.1%). Ini turut disokong dengan peningkatan tenaga buruh dalam industri pelancongan dan hospitaliti melebihi 53,000 orang pada bulan Disember 2021 dan kadar pengangguran terendah yang direkodkan pada bulan yang sama iaitu 3.9 peratus. Walau bagaimanapun, 3.1 juta rakyat USA tidak bekerja kerana perniagaan majikan yang telah mufliis ataupun ditutup berikutan pandemik. Daripada jumlah tersebut, 15.9 peratus daripada mereka masih menerima gaji sewaktu tidak bekerja.

Kawasan Euro

Pelopor ekonomi ketiga terbesar selepas USA dan China iaitu kawasan Euro turut memulih seperti negara-negara lain. Menurut UN WESP, KDNK kawasan Euro bertumbuh pada kadar 5.4 peratus setelah mengalami kemerosotan 6.4 peratus pada tahun sebelumnya. Antara faktor pemulihan adalah pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 yang dimansuhkan secara beransur-ansur susulan 75.0 peratus daripada populasinya telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada pertengahan bulan November 2021. Pelonggaran sekatan termasuk pembukaan semula perjalanan antarabangsa kian merancakkan industri pelancongan dengan peningkatan ketibaan pelancong



Pembukaan semula sempadan antarabangsa merancakkan industri pelancongan di **Greece, Italy dan Spain**

bagi negara yang amat bergantung kepada industri tersebut seperti Greece, Italy dan Spain. Pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut merekodkan pertumbuhan lebih baik, Greece, 8.0 peratus (2020: -8.2%), diikuti Italy, 6.0 peratus (2020: -8.9%) dan Spain, 4.5 peratus (2020: -10.8%). Pada masa yang sama, aktiviti perbelanjaan isi rumah disebabkan oleh pengguna mula membelanjakan simpanan yang terkumpul semasa pandemik memacu permintaan pengguna memulih dengan lebih cepat daripada penawaran. Perbelanjaan semasa pandemik mencerminkan trend penurunan ekor pelaksanaan sekatan yang membataskan pengguna daripada keluar dari rumah untuk berbelanja.

Industri automotif yang merupakan industri ekonomi penting bagi kebanyakan negara di kawasan Euro telah mengurangkan pengeluaran rentetan kekurangan produk semikonduktor (UN WESP, 2022). Pengurangan pengeluaran kereta di Germany serta pertikaian perdagangan antara European Union dan United Kingdom yang belum reda sedikit sebanyak membantutkan aliran perdagangan sekali gus menjadi antara faktor gangguan rantai bekalan di kawasan Euro.

Pasaran buruh mengalami trend ketidakpastian rentetan penutupan aktiviti

perniagaan buat sementara waktu dan pengurangan masa beroperasi. Susulan itu, kerajaan dalam kalangan negara kawasan Euro menggunakan polisi baharu untuk menyokong pasaran buruh dengan melaksanakan program pengekalan pekerjaan seperti skim *furlough*. Menurut laporan oleh badan statistik Eurostat, kadar pengangguran masih berada pada tahap yang tinggi iaitu 7.7 peratus (2020: 8.0%).

China

China, salah satu peneraju utama ekonomi dunia mempamerkan pertumbuhan ekonomi 8.1 peratus pada tahun 2021 (2020: 2.2%) yang merupakan lonjakan terbesar sejak tahun 2011 sepadan dengan jangkaan pasaran (*National Bureau of Statistics (NBS) China*). Penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi China adalah kepesatan aktiviti dalam industri perdagangan dan perindustrian. Namun begitu, prestasi ekonomi pada suku tahun keempat menyederhana dengan kadar 4.0 peratus rentetan daripada usaha kerajaan ini dalam mengekang penularan varian baharu Omicron dengan melaksanakan semula sekatan pergerakan setempat.

Merujuk kepada laporan daripada *General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC)*, volum barang dagangan bagi perdagangan antarabangsa khususnya meningkat 21.4 peratus pada tahun 2021 disokong oleh lonjakan dalam aktiviti eksport dan import masing-masing 21.2 peratus dan 21.5 peratus. Momentum pertumbuhan ini dipacu oleh kegiatan eksport yang tinggi bagi produk elektro-mekanikal, menyumbang kepada 59.0 peratus daripada jumlah kumulatif eksport. Jumlah kumulatif perdagangan antarabangsa pada tahun 2021 mencapai tahap tertinggi iaitu USD6 trilion buat pertama kalinya. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan antara USA dan China yang masih berterusan telah mengganggu pengaliran perdagangan

China sekali gus mencetuskan masalah penyusutan dalam aktiviti pengeluaran dan eksport terhadap semikonduktor (UN WESP, 2022).

China turut berdepan dengan kemelut tenaga elektrik berikutan lonjakan nilai harga pasaran arang dan kekurangan bekalan tenaga elektrik (UN WESP, 2022) yang menggugat aktiviti eksport di negara ini. Krisis ini mengakibatkan kerajaan China mula mencatu penggunaan tenaga elektrik di sebahagian wilayah lantas menyekat pengeluaran di kebanyakan kilang termasuklah kilang yang membekalkan tenaga sehingga pengeluar utama bagi produk elektronik dan automobil. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi benar menyusut pada suku tahun keempat 2021 susulan pelaburan hartanah yang lemah secara berterusan kerana kerajaan melaksanakan kawalan yang ketat terhadap penggiat pasaran hartanah (IMF WEO, *January 2022*).

Pasaran buruh China menyederhana pada tahun 2021, dengan kadar pengangguran di bandar 5.1 peratus iaitu berkurang sebanyak 0.5 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (NBS, 2022). Tambahan pula, 12.7 juta peluang pekerjaan telah diwujudkan kesan daripada pemulihan ekonomi yang berterusan di samping polisi kerajaan yang memberi impak positif terhadap kebolehpasaran graduan lepasan universiti dan pekerja migran di luar bandar. Peningkatan pekerjaan dalam sektor Perkhidmatan iaitu borong dan runcit juga menjadi penstabil utama kepada pasaran buruh.



Ekonomi **Japan** merekodkan KDNK positif **2.2%**

Japan

Prestasi ekonomi Japan berada di landasan pemulihan dengan pertumbuhan KDNK 2.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -4.5%) apabila kelonggaran berkaitan COVID-19 mula diberi selepas kadar imunisasi yang tinggi dicapai dalam kalangan rakyat Japan berdasarkan laporan oleh *Bank of Japan* (BOJ) dalam *Outlook for Economic Activity and Prices* (OEAP) 2022. Menurut *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), kerajaan Japan menyalurkan sokongan yang padu dari segi dasar makroekonomi dan memastikan program imunisasi berkembang dengan pantas dalam usaha untuk merencanakan aktiviti ekonomi.

Namun begitu, momentum pertumbuhan untuk sektor berorientasikan eksport menjadi lemah akibat daripada gangguan rantai bekalan lantaran kekurangan bekalan semikonduktor. Hal ini mengekang industri automotif untuk beroperasi pada kapasiti penuh lantas memberi impak negatif kepada ekonomi (UN WESP, 2022). Permintaan domestik turut lembap bagi suku tahun pertama, kedua dan ketiga rentetan sentimen ekonomi dan isi rumah yang lemah akibat daripada penularan varian Delta. Walau bagaimanapun, permintaan domestik mula meningkat sejajar dengan pertumbuhan dalam perbelanjaan persendirian didorong oleh perbelanjaan di restoran dan aktiviti perjalanan. Sekatan berkaitan pandemik juga telah dimansuhkan pada penghujung bulan September 2021 lalu membenarkan pemilik restoran untuk menjalankan operasi perniagaan pada waktu malam dan had jumlah pelanggan yang dibenarkan bagi setiap meja ditingkatkan.

Dari segi kewangan pula, bank pusat Japan iaitu *Bank of Japan* (BOJ) melancarkan *Asset Purchase Programmes* (APPs) untuk merangsang kewangan semasa krisis pandemik dengan peningkatan dalam anggaran USD10.2 trilion terhadap aset berasaskan sekuriti. Hasil daripada pertambahan itu, jumlah aset tersebut melonjak sehingga mencecah USD25.9 trilion pada penghujung September 2021 hasil laporan daripada BOJ.

Sementara itu, pasaran buruh pula mengalami sedikit pemulihan dengan kadar individu yang bekerja adalah negatif 0.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -3.3%) berdasarkan kenyataan daripada *Statistics Bureau of Japan*. Kadar individu bekerja masih berada pada paras rendah terutamanya pekerja kontrak dalam industri perkhidmatan yang memerlukan kehadiran fizikal meskipun terdapat peningkatan dalam tempoh masa bekerja. Selain itu, kadar pekerja tetap naik secara berterusan pada kadar 2.3 peratus terutamanya dalam sektor Perkhidmatan termasuk kebajikan, perubatan, kesihatan serta teknologi dan komunikasi.

Republic of Korea

Menurut *Bank of Korea* (BOK), ekonomi Korea bertumbuh mampan pada kadar 4.1 peratus selepas susut 0.7 peratus pada tahun 2020. Kejayaan usaha pantas kerajaan melaksanakan program imunisasi dilaporkan apabila kadar populasi rakyat Korea telah divaksin sepenuhnya menjangkau 80 peratus pada pertengahan Disember 2021 di samping sentiasa memberikan maklumat yang tepat berkaitan pandemik kepada rakyat merupakan antara pemacu kepada pemulihan ini (UN WESP, 2022). Situasi ini membolehkan kerajaan Korea melonggarkan sekatan terhadap aktiviti perhimpunan persendirian serta operasi perniagaan.

Lanjutan daripada itu, aktiviti eksport Korea giat dijalankan khususnya dalam pengeluaran produk ICT, dengan kadar peningkatan eksport tertinggi sejak 1996 iaitu 24.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 3.8%) seperti yang dilaporkan oleh *South Korea Ministry of Trade, Industry and Energy (MOTIE)*. Pertumbuhan ini didominasi oleh peningkatan eksport semikonduktor sebanyak 28.4 peratus terutamanya cip sistem serta cip memori dengan masing-masing meningkat 28.9 peratus dan 31.4 peratus. Pengeluaran cip memori meningkat susulan permintaan global yang stabil terhadap telefon bimbit dan server, sejajar dengan kebergantungan populasi dunia terhadap alat digital yang memuncak rentetan oleh penularan pandemik yang berpanjangan. Sementara itu, eksport automobil bertumbuh 24.2 peratus mencecah USD46.5 bilion dirangsang khususnya oleh pengeluaran kereta hibrid yang melonjak 71.0 peratus (MOTIE, 2022).

BOK turut melaporkan, pertumbuhan ekonomi juga disokong oleh perbelanjaan persendirian yang meningkat 6.3 peratus hasil daripada pelaksanaan kerajaan memperuntukkan bajet tambahan dan pelonggaran sekatan yang berkaitan dengan pandemik. Perbelanjaan kerajaan turut bertambah 8.3 peratus terutamanya perbelanjaan berkaitan pembelian vaksin, pentadbiran serta pembayaran balik insurans kesihatan. Namun begitu, sistem kewangan republik ini berpotensi untuk mengalami ketidaktentuan disebabkan oleh peningkatan yang berterusan dalam hutang isi rumah dan peningkatan harga rumah menerusi laporan *Financial Stability Report (BOK FSR) 2021*. Harga hartanah naik mendadak 100 peratus pada suku tahun ketiga sejajar dengan peningkatan 9.9 peratus dalam harga jualan rumah secara keseluruhannya pada tahun 2021 dirangsang oleh permintaan yang tinggi terhadap pangapuri kos rendah dan sederhana dalam kalangan generasi muda.

Harga pasaran hartanah tetap melonjak dengan lebih pesat walaupun BOK telah memperkenalkan pelbagai kaedah dalam usaha meredakan pasaran hartanah antaranya peningkatan kadar polisi berkaitan hartanah (UN WESP, 2021).

Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh **Pulau Pinang** pada paras 6.8 peratus (2020: -2.1%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.1 peratus (2020: -5.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Selain itu, pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan negeri ini kepada 12.4 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan 12.9 peratus (2020: -15.5%) dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman.

Ekonomi **Perak** meningkat 3.5 peratus berbanding penguncupan 2.4 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) yang dicatatkan oleh sektor

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Perlis bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncupan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada **12.4%**



Subsektor utiliti dan maklumat & komunikasi di Selangor kekal merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Terengganu berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambatkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

(2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

Sarawak berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

W.P. Labuan bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepasi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

5 negeri

melepasi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2021

Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)


Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
MALAYSIA	43,702	47,439

*Termasuk W.P. Putrajaya

Jadual 1.5 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	..	..	..	..	2.2

* Termasuk W.P. Putrajaya
 .. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021**Sumbangan peratusan**

• PRESTASI EKONOMI PERLIS

• SOSIOEKONOMI PERLIS 2021

• PRESTASI EKONOMI PERLIS 2021

• PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

- SEKTOR PERTANIAN
- SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN
- SEKTOR PEMBINAAN
- SEKTOR PEMBUATAN
- SEKTOR PERKHIDMATAN
 - » Perdagangan borong dan runcit
 - » Utiliti
 - » Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
 - » Penginapan dan makanan & minuman
 - » Pengangkutan dan penyimpanan
 - » Perkhidmatan perniagaan
 - » Perkhidmatan pendidikan swasta
 - » Perkhidmatan kesihatan swasta
 - » Perkhidmatan kerajaan

• KADAR VAKSINASI 2021

• PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

• INDEKS HARGA PENGGUNA

• RENCANA 2: KESAN PERTUMBUHAN PEKERJA GIG SERTA FAKTOR PENGARUH EKONOMI GIG PLATFORM TERHADAP PENGUSAHA PERNIAGAAN TEMPATAN DALAM TEMPOH COVID-19



BAB 2



SOSIOEKONOMI PERLIS 2021

KDNK:

RM5.9 bilion

1.5%



PERKHIDMATAN

RM4.1 b

2.3%



70.2%



PERTANIAN

RM1.0 b

-6.0%



17.4%



PEMBUATAN

RM0.5 b

5.4%



8.0%



PEMBINAAN

RM150.9 j

0.2%



2.6%



PERLOMBONGAN
& PENGKUARIAN

RM29.4 j

-2.3%



0.5%

PETUNJUK



Pertumbuhan



Sumbangan kepada KDNK



b Bilion / j Juta



INDEKS HARGA PENGGUNA 2.7%**



DEMOGRAFI SOSIAL



KELUASAN KAWASAN **819 km²**



JUMLAH PENDUDUK

287.6 ribu

49.9%

50.1%



KADAR KESUBURAN
JUMLAH* **2.0**

Bagi setiap perempuan berumur
15 hingga 49 tahun



JANGKAAN HAYAT

Ketika lahir (tahun)

69.4

75.3



PENDUDUK BEKERJA

108.5 ribu



KADAR PENYERTAAN
TENAGA BURUH

63.8%



KADAR PENGANGGURAN

4.3%



STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN **RM2.0 bilion**

EKSPORT BARANGAN

RM1.2 bilion

EKSPORT BARANGAN UTAMA

Pakaian & kelengkapan
terpilih

RM0.3 bilion

IMPORT BARANGAN

RM0.9 bilion

IMPORT BARANGAN UTAMA

Sayur-sayuran

RM0.1 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK **0.4 juta**

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Tasik Timah
Tasoh




Taman
Rekreasi
Tasik Melati



Arked Niaga
Padang
Besar



Padang
Waremart



Hutan Lipur
Bukit Ayer



PENDAPATAN PBT*

Majlis Perbandaran Kangar

RM30.8 juta

Nota: KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar

PBT: Pihak Berkuasa Tempatan

*Data tahun 2020

**Termasuk Kedah

1.5%
Pertumbuhan
ekonomi
Perlis

**RM5.9
bilion**
Nilai **KDNK** pada
tahun **2021**

PRESTASI EKONOMI PERLIS

2021

Pelan Perlis Digital 2021 – 2025 merupakan salah satu usaha kerajaan negeri mentranformasikan Perlis sebagai Negeri Digital serta memperkuat sistem pengurusan dan pentadbiran agensi pembangunan negeri ini. Pelan ini turut dijangka mampu membantu memulihkan ekonomi Perlis yang terjejas susulan penularan pandemik COVID-19 yang melanda sejak tahun 2020. Antara inisiatif ke arah Negeri Digital ialah kaedah pembayaran tanpa tunai atau lebih dikenali sebagai *CashLess Perlis* dan pengembaraan maya di Perlis Digital Geopark. Di samping itu, dalam usaha meningkatkan ekonomi rakyat setempat, Kerajaan Negeri Perlis telah membelanjakan lebih RM38 juta bagi membantu golongan yang terkesan akibat pandemik dengan memperkenalkan Polisi Perlis Bebas Niaga yang memberi manfaat kepada 480 peniaga atau penjaja baharu. Selain itu, bantuan peralatan serta pembaikan premis perniagaan turut disumbangkan kepada 27 peniaga yang membabitkan peruntukan sebanyak RM0.8 juta. Tambahan itu, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Perlis Pahadoi iaitu program bantuan makanan asas secara bersasar kepada golongan yang memerlukan terutamanya bagi pesakit terlantar, warga emas, orang kurang upaya dan asnaf.

Pada tahun 2021, Perlis mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 1.5 peratus berbanding penguncupan 6.0 peratus dan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM5.9 bilion (2020: RM5.8 bilion) seperti dipaparkan pada **Carta 2.1**. Pertumbuhan positif tersebut didorong oleh prestasi baik dalam sektor Perkhidmatan dengan berkembang sebanyak 2.3 peratus. Selain itu, sektor Pembuatan dan Pembinaan turut menunjukkan pemulihan dengan masing-masing meningkat sebanyak 5.4 peratus dan 0.2 peratus. Walau bagaimanapun, penyusutan 6.0 peratus oleh penyumbang kedua terbesar iaitu sektor Pertanian telah memperlahankan pertumbuhan ekonomi Perlis. Penyusutan turut direkod oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian sebanyak negatif 2.3 peratus.


Secara keseluruhannya, ekonomi Perlis kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 70.2 peratus diikuti sektor Pertanian yang menyumbang sebanyak 17.4 peratus. Sektor Pembuatan dan sektor Pembinaan masing-masing menyumbang sebanyak 8.0 peratus dan 2.6 peratus manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian pula mencatatkan sumbangan kecil sebanyak 0.5 peratus (**Carta 2.2**).

Sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM4.1 bilion (2020: RM4.0 bilion) dan meningkat 2.3 peratus berbanding penyusutan 1.2 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 2.3**). Peningkatan ini disokong oleh subsektor perkhidmatan kerajaan dan pengangkutan & penyimpanan yang terus menunjukkan pertumbuhan positif. Bagi merangsang kelangsungan sektor Perkhidmatan, sebanyak RM900 juta diperuntukkan dalam pembangunan Geopark dan makmal serta kajian kepelbagaian geologi. Pembangunan ini dijangka mampu memberi impak positif kepada sosioekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan juga perniagaan terutamanya daripada sektor pelancongan. Di samping itu, dalam usaha merancakkan lagi industri pelancongan, kerajaan negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah membangunkan sebuah terminal bas berintegrasi baharu dengan kapasiti lebih besar dan akses yang lebih baik iaitu Kangar Sentral.


Sebaliknya, sektor Pertanian merekodkan penyusutan 6.0 peratus (2020: -18.5%) dengan nilai ditambah sebanyak RM1.0 bilion (2020: RM1.1 bilion). Kemerosotan ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam subsektor perikanan. Walau bagaimanapun, aktiviti tanaman padi menunjukkan peningkatan serta dilihat dapat mengimbangi pertumbuhan sektor ini. Dalam memastikan sektor ini berdaya tahan, kerajaan negeri melaksanakan program peningkatan ekonomi untuk memberi galakan kepada penduduk setempat supaya menanam dan mengeluarkan sendiri keperluan bahan makanan harian. Program tersebut ialah Pertanian Untuk Kehidupan (KEBUNA) dan projek alternatif gantian tanaman padi luar musim kepada tanaman ubi keledak. Terdapat dua komponen utama di bawah KEBUNA iaitu Pertanian Bandar-Jimat Belanja Dapur dan Pertanian Hidroponik dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM817 ribu dan RM658 ribu.

Carta 2.1


Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Perlis, 2015-2021

**Carta 2.2**

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perlis, 2021


**Carta 2.3**

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perlis, 2020-2021



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama
Perlis, 2021



Sektor Pembuatan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM0.5 bilion (2020: RM0.4 bilion) dan berkembang 5.4 peratus (2020: -5.6%). Peningkatan dalam aktiviti pengeluaran produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka telah menyumbang kepada peningkatan sektor ini. Tambahan pula, subsektor produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan turut mencatatkan prestasi yang baik sekali gus menyumbang kepada pemulihan sektor Pembuatan Perlis. Antara projek berimpak tinggi yang dijangka mampu menggalakkan pertumbuhan positif sektor Pembuatan ialah Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) dengan peruntukan sebanyak RM724 juta. Projek tersebut merupakan projek kesinambungan dan sedang dilaksanakan. Projek ini turut menawarkan peluang yang cukup besar kepada pembangunan sosioekonomi Perlis dengan potensi jumlah pelaburan swasta sebanyak RM4.5 bilion serta dapat mewujudkan lebih 12,000 peluang pekerjaan.

Sementara itu, sektor Pembinaan bertumbuh marginal 0.2 peratus (2020: -9.6%) dan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM150.9 juta (2020: RM150.6 juta). Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor bangunan kediaman, bangunan bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Pada tahun 2021, kerajaan negeri memperuntukkan RM2.24 juta bagi program bina dan baik pulih rumah rakyat secara berperingkat dan melibatkan 176 buah rumah. Inisiatif lain dalam mempertingkatkan lagi sektor Pembinaan negeri ini ialah Projek Pelaburan Darat Perlis (PIP) di Padang Besar. Projek tersebut melibatkan pelaburan bernilai RM1.8 bilion.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Perlis mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM29.4 juta pada tahun 2021 (2020: RM30.1 juta) dengan penyusutan 2.3 peratus (2020: -9.8%).

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi sesebuah negeri melalui sumbangannya kepada hasil negeri, perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berasaskan sumber. Pada tahun 2021, sektor Pertanian di Perlis mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM1.0 bilion berbanding RM1.1 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun sektor ini mencatatkan penurunan sebanyak negatif 6.0 peratus, namun ianya dilihat lebih baik jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya (2020: -18.5%). Sektor ini menyumbang 17.4 peratus kepada keseluruhan KDNK Perlis pada tahun 2021 dan merupakan sektor kedua terbesar di negeri ini.

Pada tahun 2021, subsektor tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian Perlis dengan sumbangan sebanyak 47.9 peratus, diikuti subsektor perikanan (38.9%) dan ternakan (13.2%) seperti dipaparkan pada **Carta 2.4**. Sektor Pertanian mencatatkan penyusutan yang lebih kecil iaitu negatif 6.0 peratus daripada penyusutan 18.5 peratus pada tahun 2020 didorong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor ternakan (1.3%, 2020: 6.6%). Selain itu, subsektor perikanan turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik iaitu penyusutan 14.1% (2020: -35.7%).

Subsektor tanaman merosot 0.5 peratus berbanding pertumbuhan 0.4 peratus pada tahun 2020 yang dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan dalam pengeluaran

padi dan juga aktiviti tanaman makanan. Sementara itu, aktiviti tanaman sayur pula merosot di mana tanaman bendi, terung, cili dan kacang panjang mencatatkan penurunan. Dalam pada itu, pengeluaran dalam komoditi getah menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan penyusutan negatif dua angka pada tahun 2021

Subsektor perikanan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Perlis turut menunjukkan penyusutan yang lebih kecil iaitu negatif 14.1 peratus (2020: -35.7%). Ini didorong oleh prestasi yang lebih baik dalam aktiviti pendaratan ikan laut.

Prestasi subsektor ternakan pula bertumbuh perlahan pada 1.3 peratus daripada 6.6 peratus pada tahun 2020. Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ternakan ayam & itik serta ternakan lembu & kerbau.

“**RM1.0 bilion** nilai ditambah dan **17.4 peratus** sumbangan sektor Pertanian Perlis pada tahun 2021”



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Perlis mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM29.4 juta berbanding RM30.1 juta pada tahun 2021. Sumbangan sektor ini adalah 0.5 peratus kepada KDNK Perlis.

Pada tahun 2021, sektor ini menyusut 2.3 peratus (2020: -9.8%) seperti pada **Carta 2.5**. Penurunan ini dipengaruhi oleh pengkuarian batu kapur dan granit.

“ **RM29.4 juta** nilai ditambah sektor Perlombongan dan pengkuarian Perlis pada tahun 2021 ”

SEKTOR PEMBINAAN

Perlis mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM150.9 juta dalam sektor Pembinaan pada tahun 2021. Nilai ini meningkat 0.2 peratus berbanding tahun 2020. Sektor tersebut menyumbang sebanyak 2.6 peratus kepada keseluruhan ekonomi Perlis.

Prestasi sektor Pembinaan di Perlis mencatatkan peningkatan 0.2 peratus berbanding negatif 9.6 peratus pada tahun 2020. Peningkatan tersebut didorong oleh subsektor bangunan bukan kediaman dan kejuruteraan awam yang mana masing-masing menyumbang sebanyak 24.0 peratus dan 11.2 peratus seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 2.2**.

Selain itu, subsektor bangunan kediaman yang menyumbang sebanyak 10.8 peratus kepada sektor Pembinaan Perlis juga turut merekodkan prestasi positif. Walau bagaimanapun, subsektor aktiviti pertukangan khas yang menyumbang sebanyak 54.0 peratus merekodkan prestasi negatif.


Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Perlis ialah:

- ◆ Pembangunan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (KLPC) / *Chuping Valley Industrial Area (CVIA) Phase 1* di Chuping;
- ◆ Projek mitigasi jangka pendek bagi sistem bekalan air Negeri Perlis;
- ◆ Pembinaan Kompleks Pejabat MAIPs 12 tingkat, Bandar Kangar;
- ◆ Pembinaan pusat pengajian kejuruteraan (PKK) bahan & makmal dan sistem elektrik & makmal di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP);
- ◆ Pembinaan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (Bangunan SUK Baharu) Mukim Seriab; dan
- ◆ Pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis.

Paparan 2.2

Komposisi sektor Pembinaan, Perlis, 2021



SEKTOR PEMBUATAN

Perlis merekodkan nilai ditambah sektor Pembuatan berjumlah RM467.9 juta dan seterusnya menyumbang sebanyak 8.0 peratus kepada keseluruhan KDNK Perlis. Pada tahun 2021, sektor ini memulih pada paras 5.4 peratus berbanding penyusutan 5.6 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut didorong oleh subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang meningkat marginal 0.4 peratus (2020: -13.1%) disokong oleh kenaikan dalam aktiviti pembuatan simen hidraulik. Subsektor ini merupakan penyumbang utama sektor Pembuatan Perlis dengan sumbangan 30.7 peratus seperti pada **Carta 2.6**.

Selain itu, subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik turut meningkat kepada 2.2 peratus (2020: -2.4%) didorong terutamanya oleh aktiviti pembuatan produk getah. Selain itu, pertumbuhan yang memberangsangkan oleh subsektor minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan turut mendorong kenaikan prestasi keseluruhan sektor ini. Subsektor tersebut merupakan antara penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 25.4 peratus.

Pada tahun 2021, nilai pelaburan yang diluluskan bagi projek Pembuatan di Perlis berjumlah RM12.3 juta, dilaburkan bagi industri pembuatan makanan.

“RM467.9 juta nilai ditambah sektor Pembuatan Perlis pada tahun 2021**”**




SEKTOR PERKHIDMATAN

Pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan di Perlis mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM4.1 bilion (2020: RM4.0 bilion) iaitu pertambahan sebanyak RM92.9 juta berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatatkan pengurangan RM47.9 juta. Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK Perlis pada tahun 2021 adalah sebanyak 70.2 peratus (2020: 69.7%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sederhana 2.3 peratus berbanding penyusutan 1.2 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada **Jadual 2.1**

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan



Perdagangan borong dan runcit

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihan ekonomi telah memberi ruang untuk merancakkan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong dan runcit.

Pada tahun 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 13.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perlis. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh marginal 0.1 peratus (2020: -6.6%) dipengaruhi oleh segmen borong dan runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 1.4 peratus berbanding penyusutan 7.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan, diikuti aktiviti jualan runcit lain-lain peralatan isirumah di stor pengkhususan, dan juga aktiviti jualan runcit makanan, minuman & tembakau di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Perlis adalah 69.1 peratus (**Carta 2.7**).

Sementara itu, segmen borong turut bertumbuh sederhana kepada 1.2 peratus pada tahun 2021 (2020: -4.5%) dipengaruhi oleh peningkatan dalam aktiviti jual borong makanan, minuman & tembakau, dan juga aktiviti jual borong barangan isi rumah. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Perlis adalah 25.5 peratus. Kepelbagaian dalam penumpuan produk pengeluaran telah memberikan impak yang berbeza-beza terhadap prestasi borong di negeri.

Namun prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada negatif 18.3 peratus (2020: -9.3%) dipengaruhi oleh aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor, dan juga aktiviti jualan,

penyelenggaraan & pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) serta aksesori berkaitan.

Utiliti

Subsektor utiliti di Perlis merekodkan nilai ditambah berjumlah RM544.7 juta dengan kadar pertumbuhan negatif 1.9 peratus pada tahun 2021, berbanding negatif 7.3 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan negatif subsektor ini disebabkan oleh penyusutan 2.2 peratus (2020: -7.8%) di dalam segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara terutama dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik.

Segmen bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mencatatkan nilai ditambah RM20.8 juta dengan kadar pertumbuhan 6.9 peratus pada tahun 2021 didominasi oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.

Trend pemulihan sektor-sektor lain seperti Pembuatan, pengangkutan & penyimpanan dan borong & runcit telah mendorong meningkatkan pengeluaran perkhidmatan utiliti di negeri Perlis.

“

**Aktiviti tenaga elektrik
di Perlis dipacu oleh
stesen janakuasa bebas (IPP)**
Sumber: Tenaga Nasional Berhad

”



Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 10.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perlis dengan nilai ditambah berjumlah RM0.4 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus berbanding 7.5 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 0.3 peratus yang disokong oleh aktiviti pengaturcaraan komputer manakala segmen penerbitan dan penyiaran merekodkan peningkatan 0.8 peratus pada tahun 2021.

“

Subsektor perkhidmatan maklumat & komunikasi Perlis bertumbuh 7.2% pada tahun 2021

”

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di Perlis masih mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 10.8 peratus pada tahun 2021 (2020: -35.5%) dan merekodkan nilai ditambah kepada RM11.0 juta. Berdasarkan data tetamu hotel,

jumlah pelancong asing dan domestik turut menunjukkan trend yang sama iaitu menyusut 21.8 peratus (2020: -31.4%).

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 4.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Perlis. Subsektor ini menyusut 2.7 peratus (2020: -10.4%) dengan merekodkan nilai ditambah RM171.3 juta pada tahun 2021.

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 0.9 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Perlis. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan peningkatan 8.8 peratus berbanding kemerosotan 16.9 peratus pada tahun sebelumnya. Aktiviti pengangkutan darat merupakan peneraju utama dengan sumbangan 46.8 peratus, diikuti perkhidmatan pos & kurier (45.5%), dan pengangkutan lain (7.7%) seperti pada **Carta 2.8**.

Aktiviti pengangkutan darat menunjukkan pemulihan berikutan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara. Di samping itu, perkhidmatan pos dan kurier kekal mampan dengan mencatatkan pertumbuhan dua angka turut menyokong pertumbuhan positif industri ini.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 7.5 peratus pada tahun 2021 (2020: -9.3%) dipengaruhi oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 57.0 peratus. Aktiviti ini menguncup 4.6 peratus daripada negatif 6.0 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut termasuklah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Antara aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan subsektor ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.

Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan yang menyumbang sebanyak 43.0 peratus dan mencatatkan penurunan 11.0 peratus (2020: -13.1%) disebabkan oleh kemerosotan dalam aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

“ Subsektor **perkhidmatan atau perniagaan** Perlis menguncup **7.5%** pada tahun 2021 ”

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 0.6 peratus kepada keseluruhan sektor perkhidmatan Perlis. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 4.8 peratus (2020: -1.9%). Ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam aktiviti Pendidikan lain sebanyak 5.1 peratus.

Berdasarkan **Carta 2.9**, aktiviti pendidikan lain kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 64.3 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta Perlis. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan menengah (17.5%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (10.4%) serta pendidikan tinggi (7.8%).

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 0.6 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perlis. Subsektor ini

mencatatkan pertumbuhan positif 3.4 peratus berbanding negatif 10.5 peratus pada tahun 2020 seterusnya merekodkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM23.1 juta.

Perkhidmatan aktiviti amalan perubatan dan pergigian merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan serta aktiviti kesihatan kemanusiaan lain.

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.


Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Perlis adalah sebanyak RM1.63 bilion berbanding RM1.56 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus (2020: 4.2%). Perkhidmatan ini merupakan antara penyumbang utama sektor Perkhidmatan Perlis dengan sumbangan sebanyak 39.7 peratus. Kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di negeri ini dengan sumbangan sebanyak 78.0 peratus diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.



CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Perlis, 2020-2021




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perlis, 2015-2021




Carta 2.6

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perlis, 2021




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perlis, 2021




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perlis, 2021



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Perlis, 2021




JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Prestasi sektor Perkhidmatan, Perlis, 2020-2021

Subsektor	2020 ^e			2021 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	982	24.4	-2.3	1,003	24.3	2.1
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	726	18.0	-8.2	721	17.5	-0.8
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	407	10.1	-3.2	413	10.0	1.6
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	353	8.8	-2.5	349	8.5	-1.1
Perkhidmatan kerajaan	1,559	38.7	4.2	1,634	39.7	4.8
Jumlah	4,027	100.0	-1.2	4,120	100.0	2.3

KADAR VAKSINASI, 2021



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021

JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021
RM530 bilion

PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021

NOTA:

2020

2021



PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022


2020

PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS

 RM22.2 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara dinding, pentas utama dan rumah Pam serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya di dewan Simping Empat, Perlis	 RM22.7 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara tandas dan pagar kawasan serta Kerja-kerja yang berkaitan dengannya di dewan warisan Kangar	RM9.6 JUTA
 RM29.3 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara jalan dan dataran serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya di dewan Residen Kangar	 RM42.7 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara ruang pejabat dan bilik mesyuarat Aras 3 dan tingkap kaca di kompleks dewan dewan negeri Perlis	
 RM44.1 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara jalan dan tempat letak kenderaan awam serta kerja-kerja berkaitan dengannya di kompleks dewan undangan negeri Perlis	 RM190.8 RIBU Cadangan kerja-kerja menyelenggara siling dan mengecat bangunan serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya di dewan Residen Kangar	
JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2020		

2022

PAKEJ RANGSANGAN DAN

 RM8.6 JUTA Program-program kebajikan	 RM500.0 RIBU Program pendidikan	RM306.8 JUTA
 RM5.4 JUTA Menaik taraf infrastruktur sukan	 RM50.0 JUTA Kemudahan infrastruktur di kawasan pembangunan Lembah Chuping	
 RM25.0 JUTA Menaik taraf Empangan Timah Tasoh FASA 3	 RM10.0 JUTA Projek Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis (Kangar Sentral)	JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2022
 RM10.0 JUTA Pembinaan klinik kesihatan (Jenis 3) dengan kuarters (2F dan 3G) Padang Besar	 RM658.0 RIBU Pertanian hidroponik	
 RM7.16 JUTA Sektor pelancongan		

2021

PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS

 RM27.7 RIBU Kerja-kerja pembaikan di kelab golf Putra	 RM19.8 RIBU Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan semula lampu hiasan Serta kerja-kerja berkaitan di dataran Empangan Timah Tasoh, Perlis	RM389.6 RIBU
 RM18.0 RIBU Penyelenggaraan landskap di Kuala Perlis	 RM39.4 RIBU Kerja-kerja pembinaan menara tinjau di Gunung Medan	
 RM18.9 RIBU Pembaikan bumbung di Rimba Herba Perlis	 RM20.0 RIBU Kerja-kerja menaiktaraf pintu pagar keselamatan Gua Kelam II dan lain-lain kerja yang berkaitan	
JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2021		

Nota:
Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Teks Ucapan Bajet 2022

INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjejaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan itu sedikit sebanyak telah membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) meningkat kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/ liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/ liter).

“

IHP Perlis merekodkan peningkatan pada kadar **2.7%**

”



Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Perlis¹ mencatatkan peningkatan 2.7 peratus berbanding negatif 1.8 peratus yang dicatatkan pada tahun 2020 (**Carta 2.10**). Peningkatan kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barangan. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan makanan

¹ Termasuk Kedah

haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut dan sayur-sayuran.

Kenaikan inflasi di negeri ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi kepada 2.7 peratus ini disumbangkan oleh indeks pengangkutan iaitu pada 10.4 peratus, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.5%), makanan & minuman bukan alkohol (1.2%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.8%) dan kesihatan (0.6%) seperti yang dipaparkan di **Jadual 2.3**.

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 10.4 peratus pada 2021 berbanding negatif 9.6 peratus yang direkodkan pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat 2.5 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 3.4 peratus yang dilaporkan pada tahun 2020. Kenaikan tertinggi adalah daripada subkumpulan elektrik, gas & bahan api.

Inflasi makanan & minuman bukan alkohol meningkat pada 1.2 peratus berbanding 0.7 peratus dicatatkan pada 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan beberapa subkumpulan seperti subkumpulan

daging(3.7%), minyak dan lemak (1.7%), ikan segar dan makanan laut (1.6%), susu, keju dan telur (1.2%), buah-buahan (0.6%) dan gula, jem, madu, coklat dan manisan (0.4%). Kesemua subkumpulan makanan & minuman bukan alkohol mencatatkan inflasi positif seperti dipaparkan pada **Jadual 2.4**.

Inflasi hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 0.8 peratus berbanding 0.1 peratus pada 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, pembersihan dan penutup lantai lain.

“

**Kumpulan pengangkutan
merekodkan peningkatan pada
10.4%**


”

Jadual 2.2 Purata harga item terpilih, Perlis, 2020-2021

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1 kg	7.37	7.88
Telur Gred A	10 biji	3.64	4.02
Telur Gred B	10 biji	3.25	3.54
Telur Gred C	10 biji	2.95	3.10
Ikan Kembung	1 kg	12.12	12.81
Sawi	1 kg	5.15	5.77
Bayam	1 kg	5.06	5.91

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10 Perubahan tahunan IHP, Perlis* 2011-2021



Jadual 2.3

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Perlis*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.2
Minuman alkohol & tembakau	0.3	0.2
Pakaian & kasut	-0.7	-0.2
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	-3.4	2.5
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	0.1	0.8
Kesihatan	0.8	0.6
Pengangkutan	-9.6	10.4
Komunikasi	0.9	-0.1
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	0.8	0.3
Pendidikan	0.8	0.2
Restoran & hotel	-0.1	-0.3
Pelbagai barangan & perkhidmatan	2.2	0.3
Keseluruhan	-1.8	2.7

Jadual 2.4

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Perlis*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.2
Makanan di luar rumah	0.9	1.0
Beras, roti dan bijirin	0.7	0.8
Daging	0.5	3.7
Ikan segar dan makanan laut	0.1	1.6
Susu, keju dan telur	-2.5	1.2
Minyak dan lemak	1.3	1.7
Buah-buahan	0.5	0.6
Sayur-sayuran	2.3	0.1
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	-0.2	0.4
Keluaran makanan f.t.t.l	2.7	1.5
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	0.8	0.5

*termasuk Kedah

Rencana 2 :**Kesan pertumbuhan pekerja gig serta faktor pengaruh ekonomi gig platform terhadap pengusaha perniagaan tempatan dalam tempoh COVID-19²**

Wan Mohamad Hanif Bin Wan Adnan dan Fatin Nublah Binti Mohamad Ishak

1.0 Pendahuluan

Virus COVID-19 telah dikesan buat pertama kalinya di wilayah Wuhan dalam negara, China pada November 2019. Perhatian seluruh dunia tertumpu kepada isu kesihatan awam ini apabila Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik global pada tahun 2020. Malaysia turut tidak terkecuali dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada 18 Mac 2020 sebagai langkah mengekang penularan pandemik. Dengan pengumuman tersebut melibatkan penutupan sektor sosial dan ekonomi kecuali aktiviti ekonomi yang dikenal pasti sebagai perkhidmatan penting merangkumi perkhidmatan peruncitan (kedai runcit, pasaraya & pasar borong), perkhidmatan pembekalan bahan mentah dan penyediaan makanan (aktiviti *dine in* terkecuali), perkhidmatan bekalan bahan api dan pelincir serta seperti yang tersenarai dalam Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2020. Susulan daripada pelaksanaan pelbagai langkah pembendungan gelombang jangkitan COVID-19 di Malaysia pada tahun 2020, ekonomi Malaysia merekodkan penguncupan 5.6 peratus (RM1.3 trilion) berbanding pertumbuhan positif 4.4 peratus (RM1.4 trilion) pada tahun 2019.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah membaik pulih ekonomi sejak 2020 bagi memastikan Malaysia dapat mengharungi pandemik. Antara yang diperkenalkan adalah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan sebanyak RM35 bilion, Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM15 bilion, serta Program Strategik Pemerkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dengan peruntukan RM20 bilion.

Perlis, sebuah negeri di utara semenanjung Malaysia turut menunjukkan kesan penguncupan ekonomi sebanyak 6.0 peratus tahun 2020 berbanding pertumbuhan positif 4.5 peratus pada tahun sebelumnya. Kesan pandemik telah mempengaruhi penyusutan kesemua sektor utama negeri ini pada tahun 2020. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi Perlis turut menguncup 1.2 peratus berbanding 5.0 peratus pertumbuhan positif tahun 2019. Penyusutan sektor Perkhidmatan yang menyumbang 69.7 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perlis disebabkan oleh penyusutan subsektor pengangkutan dan penyimpanan (-16.9 peratus), diikuti aktiviti perhotelan dan restoran (-12.6 peratus) dan perdagangan borong dan runcit (-6.6 peratus). Penyusutan yang berlaku antaranya menyebabkan nilai ditambah Sektor Perkhidmatan Perlis jatuh kepada RM4.0 bilion (2020) berbanding RM 4.1 bilion (2019).

Manakala, laporan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO (2020), sebanyak 408 orang di Perlis dilaporkan hilang pekerjaan iaitu 0.4 peratus daripada keseluruhan kehilangan pekerjaan di Malaysia dan daripadanya adalah mereka yang bergaji RM1,000 hingga RM1,499. Justeru, Kerajaan Negeri Perlis komited untuk mengimbangi kesan COVID-19 terhadap penduduknya dari aspek ekonomi dan sosial dengan memperkenalkan inisiatif antaranya pengecualian sewaan

² Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

gerai (RM0.4 juta), diskaun sewaan gerai peniaga kecil Majlis Perbandaran & PKENPs (RM0.9 juta), dan bantuan kepada kumpulan sasaran (RM3.0 juta). Perbelanjaan yang menelan bilion dan jutaan ringgit ini adalah bagi memastikan ekonomi Malaysia terus dapat bertahan di samping menjamin keupayaan mengekalkan kelangsungan hidup masyarakat.

2.0 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti faktor pengaruh *user behavioural factors* atau pengaruh tingkah laku pengusaha perniagaan tempatan terhadap penglibatan ekonomi gig platform dalam tempoh COVID-19; dan
- ii. Mengkaji kesan penggunaan platform ekonomi gig terhadap pengusaha perniagaan tempatan.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Sumber Data

Sumber data yang digunakan adalah bersifat *primary* di mana melibatkan aktiviti pengumpulan data secara rawak di pusat pengusaha perniagaan terhadap pengusaha tempatan di Perlis selama tempoh satu bulan. Responden yang ditemu bual adalah bersifat *homogenous* terdiri daripada pengusaha makanan dan minuman serta menjalankan perniagaan di lokasi penambahbaikan infrastruktur setempat. Hasil kajian akan dipengaruhi oleh faktor liputan sampel. Selain itu, data sekunder juga digunakan dalam kajian yang antaranya melibatkan agensi daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Pejabat Perdana Menteri Malaysia merangkumi maklumat seperti jumlah pemberhentian pekerja, inisiatif perkembangan platform digital dan aktiviti penting dalam tempoh COVID-19. Maklumat lain diperoleh dari sumber artikel, rencana dan laman web turut digunakan bagi menyokong pernyataan dalam kajian yang dijalankan.

3.2 Konsep

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji kesan pengaruh penglibatan ekonomi gig terhadap perusahaan perniagaan tempatan yang meliputi pengusaha dalam subsektor Makanan dan minuman.

Kaedah yang akan dilaksanakan dalam hasil kajian ini adalah analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) dan statistik deskriptif. Analisis deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti peratus penggunaan & jenis platform yang digunakan dan kesan penggunaan platform oleh perusahaan perniagaan tempatan.

Seterusnya, analisis SEM dijalankan bagi mengenalpasti faktor mempengaruhi terhadap *user behavioural factors* atau pengaruh tingkah laku pengguna, TLP oleh pengusaha perniagaan tempatan yang mendorong kepada penglibatan dalam ekonomi gig.

Sebelum analisis SEM diteruskan, pengujian terhadap *unidimensionality* bagi pembinaan atau pembolehubah perlu dilaksanakan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* (CFA).

CFA dijalankan bagi menguji *validity* dan *reliability* untuk memastikan pembolehubah yang dibuat dapat membentuk pembolehubah yang dikaji. Ujian *validity* dibuat untuk memastikan item soalan memenuhi nilai penyeragaman faktor. Jika didapati nilai *standard factor loading* lebih besar daripada 0.6, item soalan adalah diterima (Ghozali, 2017). Jadual 2(a) menunjukkan kesemua item soalan yang digunakan di dalam kajian ini dan terdapat 3 item soalan iaitu A5, C4 dan D8 yang tidak memenuhi syarat terpaksa dikeluarkan daripada analisis ini.

Jadual 2(a): Penilaian unidimensionality mengikut pembolehubah

Pembolehubah	Item	Factor loading	Huraian
Pengaruh Sosial (PS)	A1	0.702	-
	A2	0.759	-
	A3	0.723	-
	A4	0.704	-
	A5	0.529	Tidak diterima
Pengaruh Infrastruktur (PI)	B1	0.801	-
	B2	0.866	-
	B3	0.853	-
	B4	0.7	-
	B5	0.817	-
	B6	0.848	-
Pengaruh Kewangan (PK)	C1	0.853	-
	C2	0.79	-
	C3	0.736	-
	C4	0.518	Tidak diterima
	C5	0.724	-
Tingkah Laku Pengguna (TLP)	D1	0.732	-
	D2	0.732	-
	D3	0.824	-
	D4	0.734	-
	D5	0.713	-
	D6	0.612	-
	D7	0.674	-
	D8	0.587	Tidak diterima

Permulaan bagi analisa SEM adalah dengan menguji kesesuaian keseluruhan model yang dilihat berdasarkan petunjuk *Goodness of Fit Index* (Hair et al, 2006 seperti yang dipetik oleh Ayed et al, n.d). Jadual 2(b) menunjukkan ringkasan daripada nilai kritikal daripada ujian kesesuaian model.

Jadual 2(b): Goodness of Fit Model

Kategori	Indeks	Nilai Indeks	Syarat	Huraian
<i>Absolute fit</i>	RMSEA	0.000	< 0.08	Memenuhi syarat
	GFI	0.946	> 0.9	Memenuhi syarat
<i>Incremental fit</i>	CFI	0.982	> 0.9	Memenuhi syarat
<i>Parsimonious fit</i>	Chisq/df	1.745	< 2.0	Memenuhi syarat

Berdasarkan Jadual 2(b), kesemua ujian kesesuaian keseluruhan model adalah menepati syarat dan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Dengan ini, data ini sesuai digunakan bagi analisis *Structural Equation Modelling* (SEM).

4.0 Kesan COVID-19 terhadap perkembangan dunia pendigitalan

Dunia sedia maklum pandemik COVID-19 membawa begitu banyak kesan negatif. Walau bagaimanapun, COVID-19 turut memperlihatkan era baharu perkembangan dunia pendigitalan merentasi pelbagai sektor Perkhidmatan dan janaan ekonomi.

Menurut Fuad (2021) United States of America dan Australia menyaksikan perkembangan dunia pendigitalan melalui penghasilan kecerdasan buatan apabila *chatbox* diperkenalkan sebagai medium interaksi maya khidmat nasihat dan perundingan terhadap pesakit COVID-19. Kelebihan inovasi ini antaranya adalah berkeupayaan memberikan perkhidmatan 24 jam secara *human conversation* dengan memastikan aktiviti kontak rapat dapat dielakkan bagi menghalang penularan wabak pandemik (Fuad, 2021).

Selain itu, perkembangan dan pengenalan kepada ekonomi gig turut mengambil tempat di mata dunia. Menurut Femi (2021), ekonomi gig adalah suatu pekerjaan jangka pendek yang bersifat fleksibel dan bebas terhadap pekerja dan juga perniagaan. Persekitaran ekonomi gig juga dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus perniagaan dan memberikan pendapatan kepada pekerja gig dalam pelbagai sumber secara fleksibel (Femi 2021). Sub pertumbuhan ekonomi gig adalah sumber penting pertumbuhan ekonomi yang telah membuka peluang lebih besar kepada rakyat untuk menambah pendapatan (Mohamad, 2021). Kerajaan telah menggariskan beberapa penekanan terhadap perkembangan ekonomi gig dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antaranya, pelarasan tadbir urus digital mengawal selia penyediaan ekosistem kondusif pembangunan ekonomi pekerjaan; peningkatan kepelbagaian sumber pendapatan seperti menumpukan peluang pekerjaan miskin bandar serta pengembangan ekonomi pekerjaan melibatkan program berbentuk latihan kepada penduduk setempat terhadap peluang ekonomi gig.

Impak kepada COVID-19 telah merubah landskap perniagaan dan mendorong kepada penggunaan platform digital terutama di kalangan perusahaan tempatan. Pertumbuhan ekonomi gig turut disumbang oleh senario *workers retrenchment* akibat penularan wabak dan langkah syarikat untuk mengimbangi kedudukan kewangan serta ketidakmampuan syarikat untuk bertahan dalam tempoh COVID-19. Menurut laporan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO (2020), terdapat 107.0 ribu orang telah hilang pekerjaan pada tahun 2020. Sektor pembinaan menjadi penyumbang tertinggi kehilangan pekerjaan iaitu 21.8 peratus, diikuti borong dan runcit (14.0 peratus) dan penginapan, makanan & minuman (13.5 peratus). Manakala, kategori kumpulan pekerja mahir mendominasi kehilangan pekerjaan iaitu pada kadar 58.7 peratus.

Di Malaysia, agensi seperti *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC) turut menyumbang kepada perkembangan platform digital. Antara inisiatif yang ditawarkan meliputi platform eRezeki, Tenaga Kerja Global dalam Talian (GLOW) dan Terokai e-Dagang. Penawaran ini adalah bagi membantu individu dan syarikat untuk menjana pendapatan serta mengembangkan perniagaan dalam dunia pendigitalan. Selain itu, perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan merupakan antara yang sinonim dengan ekonomi gig. Kemunculan variasi platform penghantaran barangan dan makanan seperti Grabfood, Foodpanda, Dahmakan dan Ninja

merupakan antara bukti trend ekonomi gig telah diterima di Malaysia. Selain itu, menurut Fuad (2021) lagi, perkhidmatan syarikat penghantaran makanan Finland, Wolt telah memperoleh pendapatan sebanyak RM1.42 bilion dan mengembangkan perniagaan kepada 23 buah negara termasuk Germany dan Japan dengan 12 juta pelanggan. Manakala, menurut bank pelaburan Amerika Syarikat Morgan Stanley (2020), industri penghantaran makanan secara dalam talian telah meningkat kepada RM200 bilion (2020) berbanding sasaran RM182.5 bilion pada tahun 2021.


Menurut unjuran pasaran, Statista (2022), segmen penghantaran makanan secara dalam talian di Malaysia dijangka mencapai hasil pendapatan termasuk Nilai Dagangan Kasar (GMV), RM1.5 bilion pada tahun 2022 dan diunjurkan mencapai RM2.2 bilion pada tahun 2026 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.4 peratus tahun 2022 hingga 2026. Manakala bagi pecahan segmen penghantaran makanan secara dalam talian iaitu *restaurant to consumer delivery* dianggarkan 42.0 peratus lebih tinggi iaitu RM868.5 juta berbanding *platform to consumer delivery*, RM611.4 juta tahun 2022. Penggunaan perkhidmatan penghantaran makanan secara dalam talian dijangka akan meliputi 12.8 juta pengguna pada tahun 2026. Manakala bagi tahun 2022, pengguna platform penghantaran makanan secara dalam talian di Malaysia akan berada pada tahap 28.0 peratus, (Statista, 2022).

Kerajaan Negeri Perlis turut mengambil peluang dalam perkembangan dunia pendigitalan melalui pelan Perlis Digital 2021 hingga 2025 yang dibina berdasarkan pelan induk Jalinan Digital Negara (JENDELA) penambahbaikan komunikasi digital negara dalam RMKe-12 (BERNAMA, 2020). Menurutny lagi, pembudayaan digital merupakan fokus utama Kerajaan Negeri Perlis untuk memastikan kefahaman masyarakat kepada dunia digital dapat dicapai. Antara program perkembangan dunia digital seperti program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis melibatkan penyaluran sebanyak RM30 ribu bagi perluasan Kuala Perlis Go Cashless memanfaatkan peniaga dan pengguna (Unit Komunikasi Korporat, KPDNHEP, 2022). Sebanyak lebih 30 peratus pengusaha perniagaan di Perlis telah menceburi transaksi tanpa tunai (Perlis Go Cashless) dan diperluaskan di Parlimen Padang Besar (One Newss, 2022).

5.0 COVID-19 serta pengaruh kepada pengusaha perniagaan tempatan

Penglibatan pengguna dalam ekonomi gig dipercayai dipengaruhi oleh beberapa faktor. Satu kajian ringkas di pusat pengusaha perniagaan tempatan di Perlis telah dijalankan dengan meliputi TLP oleh pengusaha perniagaan tempatan dalam subsektor makanan dan minuman terhadap ekonomi gig penggunaan platform penghantaran makanan dan minuman. Kajian dijalankan dengan menggunakan analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) bagi melihat faktor pengaruh meliputi Pengaruh Sosial, PS (*Social Influence*), Pengaruh Infrastruktur, PI (*Infrastructural Influence*) dan Pengaruh Kewangan, PK (*Financial Influence*) seperti pada Paparan 2(a).


Paparan 2(a): Structural Equation Modelling (SEM)



5.1 Statistik deskriptif bagi pengaruh ekonomi gig platform terhadap pengusaha perniagaan tempatan dalam tempoh COVID-19


Berdasarkan Carta 2(a), pengusaha perniagaan tempatan yang terlibat dalam ekonomi gig penggunaan perkhidmatan makanan dan minuman di kawasan kajian secara talian adalah pada kadar 90.0 peratus. Manakala, secara keseluruhan platform penghantaran makanan dan minuman yang digunakan oleh pengusaha perniagaan tempatan adalah daripada syarikat Foodpanda. Hasil daripada kajian yang dijalankan, didapati berlaku kenaikan hasil pendapatan pengusaha perniagaan tempatan iaitu secara purata sebanyak 37.4 peratus (RM3,852) selepas menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan berbanding sebelum (Carta 2(b)). Fuad (2021) menyatakan bahawa syarikat penghantaran makanan Foodpanda Malaysia diunjurkan mencecah RM1.1 bilion pada tahun 2021 dan merekodkan pertumbuhan tahunan 2021 hingga 2026 adalah pada kadar 15.4 peratus. Selain daripada itu, penggunaan platform Foodpanda akan meningkat kepada 11.5 juta pengguna pada tahun 2026.

Carta 2(a) Peratusan penggunaan platform penghantaran makanan secara dalam talian



● Foodpanda
 ● Platform, YA
 ● Platform, TIDAK

Carta 2(b) Purata pendapatan penggunaan perkhidmatan penghantaran makanan



Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) nyata memberi kesan kepada ekonomi berkaitan subsektor makanan dan minuman. Ini berikutan pertumbuhan tahunan pada tahun 2020 bagi subsektor penginapan, makanan dan minuman merekodkan kejatuhan 12.6 peratus berbanding pertumbuhan positif 6.5 peratus pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, kesemua responden dalam kajian selidik menyatakan bahawa perkhidmatan penghantaran makanan membantu perusahaan dalam mendepani COVID-19.

5.2 Analisis Structural Equation Modelling (SEM) faktor pengaruh ekonomi gig platform terhadap pengusaha perniagaan tempatan dalam tempoh COVID-19

Analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) digunakan bagi mengenalpasti faktor mempengaruhi terhadap TLP oleh pengusaha perniagaan tempatan yang mendorong kepada penglibatan dalam ekonomi gig segmen penghantaran makanan dan minuman secara dalam talian. Menurut (NG et al., n.d) perkembangan dunia teknologi telah mempengaruhi corak tingkah laku pelanggan terhadap penggunaan perkhidmatan secara dalam talian termasuk khidmat penghantaran makanan sehingga ke tempat kediaman. Hasil daripada pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan wabak ditambah dengan percambahan platform penghantaran makanan, dipercayai menyumbang kepada *decision driven* terhadap pengusaha perniagaan tempatan bagi memastikan kelangsungan perusahaan dan persaingan entiti perniagaan (Pengaruh Sosial) dapat dikekalkan.

Jadual 2(c): Structural Equation Modelling (SEM)

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Label
TLP	<---	PS	0.304	0.287	1.06	0.289	par_18
TLP	<---	PI	-0.093	0.137	-0.678	0.498	par_19
TLP	<---	PK	0.464	0.153	3.028	0.002	par_20

Berdasarkan keputusan analisis SEM, Jadual 2(c), didapati Pengaruh Kewangan ($p\text{-value} = 0.0002 < 0.05$) merupakan pembolehubah signifikan mempengaruhi TLP penggunaan ekonomi gig platform penghantaran makanan dan minuman secara dalam talian. Manakala, Pengaruh Sosial, PS (*Social Influence*) dan Pengaruh Infrastruktur, PI (*Infrastructural Influence*) tidak memberikan pengaruh secara langsung terhadap TLP di kawasan kajian. Berdasarkan keputusan kajian ini telah membuktikan bahawa Pengaruh Kewangan telah memberi impak terhadap Pengaruh Tingkah Laku Pengguna dan dapat dibuktikan daripada kajian Jack (2020) menjelaskan bahawa perkhidmatan penghantaran makanan secara dalam talian merupakan tambahan kepada jualan perniagaan dan berdasarkan insights *Technomic Food Trends* 2018, penghantaran makanan dan minuman secara dalam talian telah menyumbang 60.0 peratus jualan kepada pengusaha restoran. Medium penghantaran makanan secara dalam talian dapat memberi keuntungan kepada pengusaha di mana bayaran gaji kepada pekerja penghantaran makanan dibiayai oleh syarikat penyedia platform yang berkaitan. Ditambah dengan penularan wabak yang memberi kesan sosial kepada pelanggan telah mempengaruhi tingkah laku pelanggan dalam penggunaan perkhidmatan penghantaran makanan berbanding makan di restoran. Dengan penggunaan perkhidmatan penghantar makanan telah menyelamatkan sebahagian pengusaha perniagaan makanan dan minuman tempatan terutama sepanjang tempoh kemuncak COVID-19 ekoran larangan bagi pelanggan untuk makan secara *dine-in*.

6.0 Rumusan

Era pandemik COVID-19 telah membuka peluang baharu perkembangan dunia pendigitalan merentasi pelbagai sektor. Perkembangan teknologi yang mewujudkan pelbagai platform yang memberi keselesaan kepada pengguna telah mempengaruhi perkembangan ekonomi gig. Seterusnya, persaingan entiti pertubuhan dalam memastikan janaan ekonomi perusahaan dapat dipertingkatkan turut menyumbang kepada keterlibatan dunia ekonomi gig. Segmen pertumbuhan perkhidmatan makanan secara dalam talian dijangka akan terus meningkat dalam tempoh COVID-19 jika PKP atau larangan makan secara *dine in* kembali diteruskan bagi mengekang penularan wabak. Sistem pasaran bebas bercirikan kontrak dalam jangka pendek atau secara fleksibel merupakan pilihan utama kepada individu serta sesetengah individu yang mengalami fasa *workers retrenchment* bagi menjamin kelangsungan hidup. Walau bagaimanapun, kajian langsung mengenai *the demand explosion* keterlibatan tenaga muda terhadap dunia ekonomi gig serta kesan jangka masa panjang terhadap kelestarian dan kestabilan ekonomi negara perlu diberi perhatian.

7.0 Rujukan

- BERNAMA (2020). 3 fokus utama pelan Digital Perlis 2025. Dicapai <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/633437/3-fokus-utama-pelan-digital-perlis-2025>
- Femi, L. (2021). What Is the Gig Economy? Dicapai <https://www.thebalance.com/what-is-the-gig-economy-5194014>
- Fuad, M. B. (2021). *Sektor ekonomi yang meraih keuntungan ketika wabak COVID-19*. Sintok. Kedah. Dicapai https://www.researchgate.net/profile/Fuad-Mohamed-Berawi-2/publication/352976040_Fuad_Mohamed_Berawi_2021_Sektor_ekonomi_yang_meraih_keuntungan_ketika_wabak_COVID-19/links/60e14930458515d6fbfa43ca/Fuad-Mohamed-Berawi-2021-Sektor-ekonomi-yang-meraih-keuntungan-ketika-wabak-COVID-19.pdf
- Ghozali, I. (2017). Analysis of auditor performance by using covariance based structural equation modeling: A study of public accounting firms in Indonesia. *European Research Studies Journal*, 20, 524-537. Dicapai http://eprints.undip.ac.id/63231/1/Jurnal_C13.pdf
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate Data Analysis* (6 ed.): Prentice Hall. Dicapai https://www.zu.edu.jo/MainFile/Profile_Dr_UploadFile/Conferences/Files/ConferenceFile_3704_31_55.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2020). *Laporan Sosioekonomi Negeri Perlis, 2020*
- Jack, C. (2020). *The Impact of Online Food Delivery Services on Restaurant Sales*. Dicapai <https://web.stanford.edu/~leinav/teaching/Collision.pdf>
- Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020. Dicapai <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perintah-kawalan-pergerakan-perkhidmatan-perlu-dan-bukan-keperluan-utama/>
- Malaysia Digital Economy Corporation (n.d). Dicapai <https://mdec.my/ms/malaysiadigital/rakyat/>
- Mohamad, H. F. (2021, September 27). RMKe-12: Wujud ekosistem sokong ekonomi gig, rapat jurang digital. *Berita Harian*. Dicapai <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869232/rmke-12-wujud-ekosistem-sokong-ekonomi-gig-rapat-jurang-digital>
- Morgan Stanley (2020). COVID-19 Era Serves Up Big Changes for U.S Restaurant. Dicapai <https://www.morganstanley.com/ideas/coronavirus-restaurant-trends>
- NG, S. R., Wong, S. Y., & Chong, L. (n.d). *Outsourcing to Online Food Delivery Services: Perspective of F&B Business Owners*. Dicapai <https://www.icommercecentral.com/open-access/outsourcing-to-online-food-delivery-services-perspective-of-fb-business-owners.php?aid=86136>
- One Newss (2022). Transaksi tanpa tunai rangsang peningkatan penjualan peniaga. Dicapai <http://www.onenews.my/transaksi-tanpa-tunai-rangsang-peningkatan-penjualan-peniaga/>

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021. Dicapai: <https://rmke12.epu.gov.my/bm/dokumen/rmke-12>

Sistem Insurans Pekerjaan, SIP, PERKESO, 2020. Dicapai <https://eiscentre.perkeso.gov.my/ms/kehilangan-pekerjaan/>

Statista. (2021). *Online food delivery. Malaysia*. Dicapai <https://www.statista.com/outlook/dmo/eservices/online-food-delivery/malaysia>

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (2022). Dicapai <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/media-kpdnhep/berita-kpdnhep/berita-terkini/2022-berita-terkini/1271-perluasan-digitalisasi-peruncitan-redi-kuala-perlis-go-cashless-merencanakan-semula-sektor-peruncitan-negeri-perlis-dan-program-jelajah-program-jualan-malaysia-pjm-bersama-ktmb>

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara
- Penduduk mengikut daerah pentadbiran

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah Perlis

MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi Perlis

BAB

3



PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk Perlis meningkat daripada 284.9 ribu pada tahun 2020 kepada 287.6 ribu pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.9 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2021 ialah 97.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Perlis.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perlis, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	284.9	287.6	0.9

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Penduduk kumpulan umur tua mencatatkan penurunan dari tahun 2020 hingga 2021. Pada tahun 2021, umur muda mencatatkan penurunan kepada 19.9 peratus (2020: 20.5%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua mencatatkan peningkatan kepada 72.1 peratus (2020: 71.7%) dan 8.0 peratus (2020: 7.9%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Perlis, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	20.5	19.9
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	71.7	72.1
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	7.9	8.0

287.6 ribu

Penduduk
Perlis,
2021



Warganegara

97.5% (2021)
97.7% (2020)



**Bukan
Warganegara**

2.5% (2021)
2.3% (2020)

27.6

Nisbah
tanggungan
umur muda,
2021

Nisbah
Jantina

100 • 100
Lelaki Perempuan

11.1

Nisbah
tanggungan
umur tua,
2021

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Perlis kekal dari 2020 hingga 2021 iaitu 100 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Perlis menunjukkan penurunan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2021. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 11.0 pada tahun 2020 kepada 11.1 pada tahun 2021. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 27.6 pada tahun 2021 berbanding 28.5 pada tahun 2020.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Perlis, 2020-2021

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	28.5	27.6
Umur tua	11.0	11.1
Jumlah	39.5	38.7

Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2021, peratusan Bumiputera meningkat kepada 88.9 peratus berbanding 88.8 peratus pada tahun 2020. Cina mencatatkan penurunan kepada 7.3 peratus (2020: 7.4%) manakala India dan etnik lain kekal dengan masing-masing 1.8 peratus dan 2.0 peratus daripada keseluruhan warganegara Perlis.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perlis, 2020-2021


Kumpulan etnik warganegara W.P. Labuan (%)	2020	2021
Bumiputera	88.8	88.9
Cina	7.4	7.3
India	1.8	1.8
Etnik lain	2.0	2.0

KELAHIRAN

Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di Perlis mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2019 iaitu daripada 15.9 kepada 16.1 bagi setiap 1,000 penduduk (Carta 3.1). Kadar kelahiran kasar bagi perempuan menunjukkan peningkatan iaitu daripada 14.9 kepada 15.6 pada tahun 2020 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.1 Kadar kelahiran kasar, Perlis, 2011-2020



16.1

Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 17.3 pada tahun 2020 sementara Cina mencatatkan kadar terendah iaitu 6.8 bagi setiap 1,000 penduduk. Peningkatan kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh India iaitu daripada 4.5 pada tahun 2019 kepada 8.1 pada tahun 2020 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	18.5	18.8	19.1	18.7	17.3	17.3
Cina	10.3	9.1	8.6	6.8	7.1	6.8
India	8.7	7.8	6.1	6.7	4.5	8.1
Etnik lain ¹	10.7	10.4	10.0	10.3	8.3	10.2

¹Termasuk bukan warganegara

17.3

Bumiputera
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar


Pada tahun 2020, Perlis mencatatkan bilangan kelahiran hidup sebanyak 4,098 bayi manakala kadar kelahiran kasar ialah 16.1 bagi setiap 1,000 penduduk.

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi Perlis adalah sama dengan tahun 2019 iaitu 2.0 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 3.2 menunjukkan Perlis mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) mulai tahun 2019.

Carta 3.2 Kadar kesuburan jumlah, Perlis, 2011-2020



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi India dan etnik lain mencatatkan peningkatan kecuali Cina yang mencatatkan penurunan bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun pada 2020. Pada tahun 2020, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.2 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh India iaitu 0.8 bayi.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.6	2.5	2.5	2.4	2.2	2.2
Cina	1.7	1.4	1.2	1.0	1.0	0.9
India	1.2	0.9	0.8	0.7	0.5	0.8
Etnik lain ¹	0.9	0.9	0.9	0.9	0.8	0.9

¹Termasuk bukan warganegara

2.0 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020



2.2 bayi


Bumiputera
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 1,950 kematian direkodkan di Perlis pada tahun 2020 menurun 2.2 peratus berbanding kematian pada tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 7.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 7.8 kematian).

Carta 3.3 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perlis, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)



8.1

kematian

Kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018 sepanjang 2010-2020

Jumlah Kematian

Lelaki
1,073 (55.0%)

Perempuan
877 (45.0%)


Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	1,767	1,884	2,004	2,042	1,994	1,950
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.7	8.2	8.8	9.0	8.9	8.5
Kadar kematian kasar (Perempuan)	6.5	6.8	7.2	7.1	6.8	6.9

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada 2020 adalah 8.5 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat 2.8 mata berbanding 5.7 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

Carta 3.4 Kadar kematian bayi, Perlis, 2010-2020



8.5

kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

69.5**kematian**

Nisbah mortaliti ibu bersalin tertinggi, pada tahun 2015 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup


**10.0****kematian**

India
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2020 ialah 24.4 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup.

Carta 3.5 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perlis, 2010-2020



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera dan Cina masing-masing menurun kepada 7.7 kematian dan 9.5 kematian manakala India meningkat 0.7 mata kepada 10.0 kematian. Sementara itu, kadar kematian bagi etnik lain menurun 1.0 mata kepada 3.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perlis, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	7.2	7.6	7.9	8.1	7.8	7.7
Cina	8.0	9.1	9.9	9.7	9.8	9.5
India	8.4	9.8	11.6	5.8	9.3	10.0
Etnik lain ¹	4.5	3.7	5.0	5.0	4.9	3.9

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 250 kematian (18.4%) yang melibatkan 19.6 peratus bagi lelaki dan 16.8 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 16.2 peratus dan 7.1 peratus.

Paparan 3.1 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Perlis, 2020




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 379 kematian (64.1%) yang melibatkan 57.1 peratus bagi lelaki dan 71.2 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh penyakit kencing manis dan penyakit jantung iskemia dengan masing-masing sebanyak 4.2 peratus dan 4.1 peratus.

Paparan 3.2 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Perlis, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Penyakit Jantung Iskemia

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020



Sakit tua

Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020


JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di Perlis dijangka hidup lebih lama sehingga 75.3 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki, dijangka hidup sehingga 69.4 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki kekal 69.4 tahun manakala bayi perempuan meningkat 0.5 tahun berbanding 74.8 tahun bagi tempoh yang sama.


Paparan 3.3 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perlis, 2017-2021



Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2021 dijangka hidup selama 55.5 tahun dan 61.4 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 70.5 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga umur 76.4 tahun.

Paparan 3.4 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perlis, 2017-2021



75.3
Bayi perempuan
Jangkaan hayat
ketika lahir




61.4 tahun
Perempuan
Jangkaan hayat
pada umur
15 tahun, 2021

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.7 tahun dan 16.8 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 79.7 tahun dan perempuan sehingga 81.8 tahun.

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun meningkat setiap tahun di antara tempoh 2017 sehingga 2021 bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan.

Paparan 3.5 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perlis, 2017-2021



14.7 tahun

Lelaki
Jangkaan hayat
pada umur
65 tahun,
2021



TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Pada tahun 2021, tenaga buruh di Perlis mencatatkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -1.7%). Sejumlah 113.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2021 berbanding 110.3 ribu orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja bertambah kepada 108.5 ribu orang pada tahun 2021 daripada 105.6 ribu orang pada tahun 2020.

Carta 3.6 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perlis, 2010-2021



Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Perlis dengan peratus sumbangan sebanyak 26.0 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori profesional dan kategori pekerja asas dengan peratusan sumbangan 14.4 peratus dan 12.2 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 24.7 peratus daripada keseluruhan pekerja di Perlis.

113.3 ribu

Tenaga
buruh di
Perlis, 2021

108.5 ribu

Bilangan
penduduk
bekerja,
2021

26.0%

Pekerja perkhidmatan
dan jualan catat
peratusan tertinggi,
2021

Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perlis, 2016-2021

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	2.2	2.4	4.4	4.6	5.1	2.8
Profesional	11.5	12.8	12.0	12.4	12.7	15.6
Juruteknik & profesional bersekutu	9	8.5	7.3	9.9	11.1	8.4
Pekerja sokongan perkeranian	6.5	7.2	6.8	9.2	9.0	10.4
Pekerja perkhidmatan & jualan	27.2	28.3	31.2	32.3	28.3	28.2
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	10.7	9.5	11.4	8.4	9.9	11.4
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	13.6	12.2	12.4	13.7	11.6	12.3
Operator mesin & loji dan pemasangan	8.4	8.2	6.7	7.9	7.7	6.3
Pekerja asas	11	9.2	11.7	10.2	10.1	13.2
Jumlah	100.1	98.4	104.0	108.5	105.6	108.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	2.2	2.4	4.2	4.2	4.8	2.6
Profesional	11.5	13.0	11.5	11.4	12.0	14.4
Juruteknik & profesional bersekutu	9.0	8.6	7.0	9.1	10.5	7.7
Pekerja sokongan perkeranian	6.5	7.3	6.5	8.5	8.5	9.6
Pekerja perkhidmatan & jualan	27.2	28.8	30.0	29.8	26.8	26.0
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	10.7	9.7	11.0	7.7	9.4	10.5
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	13.6	12.4	11.9	12.6	11.0	11.3
Operator mesin & loji dan pemasangan	8.4	8.3	6.4	7.3	7.3	5.8
Pekerja asas	11.0	9.3	11.3	9.4	9.6	12.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

78.0 ribu

Pekerja tertumpu pada sektor Perkhidmatan, 2021

**0.2 ribu**

Sektor Perlombongan & pengkuarian Bilangan pekerja terendah, 2021

Seramai 78.0 ribu orang pekerja (71.9%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti oleh sektor Pertanian yang merangkumi 12.6 ribu orang (11.6%), Pembinaan (9.8 ribu; 9.0%) dan Pembuatan (7.9 ribu; 7.3%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 0.2 ribu orang (0.2%).

63.8%
Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Perlis, 2021



4.3%
Kadar
pengangguran di
Perlis, 2021

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, Perlis, 2016-2021

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	12.3	10	12.7	9.0	12.2	12.6
Perlomongan dan pengkuarian	0.4	0.2	0.4	0.3	0.2	0.2
Pembuatan	10.3	9.9	9	11.1	9.4	7.9
Pembinaan	9.6	8.4	7.5	8.5	7.4	9.8
Perkhidmatan	67.5	70.1	74.4	79.6	76.3	78.0
Jumlah	100.1	98.4	104	108.5	105.6	108.5

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	12.3	10.2	12.2	8.3	11.6	11.6
Perlomongan dan pengkuarian	0.4	0.2	0.4	0.3	0.2	0.2
Pembuatan	10.3	10.1	8.7	10.2	8.9	7.3
Pembinaan	9.6	8.5	7.2	7.9	7.0	9.0
Perkhidmatan	67.4	71.2	71.5	73.3	72.2	71.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Perlis meningkat 0.8 mata peratus daripada 63.0 peratus pada tahun 2020 kepada 63.8 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, kadar pengangguran di Perlis kekal pada 4.3 peratus pada tahun 2021 (2020: 4.3%).

Carta 3.7 KPTB dan kadar pengangguran, Perlis, 2010-2021



STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.9.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Carta 3.8 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



5.6 juta

Bilangan siswazah
Malaysia,
2021



85.0%

Kadar penyertaan
tenaga buruh
siswazah
Malaysia,
2021

77.4%


Siswazah bekerja
berada dalam
sektor
Perkhidmatan,
2021

**RM4,582**

**Purata gaji &
upah bulanan
siswazah di
Malaysia, 2021**

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.6.

Paparan 3.6 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, penengah dan purata gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM 3,815. Manakala purata gaji naik 2.1 peratus daripada RM4,489. Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984 (Paparan 3.7).

Paparan 3.7 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021




Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 sebulan diterima oleh siswazah perempuan. (Paparan 3.8).

Paparan 3.8 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & Pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Begitu juga, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.9).

Paparan 3.9 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021



RM4,034

Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021



RM7,247


Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021

STATISTIK SISWAZAH PERLIS

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Perlis adalah seramai 43.5 ribu orang, meningkat 8.0 peratus daripada 40.3 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 32.5 ribu orang, meningkat 6.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 30.4 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 74.8 peratus, turun 0.8 mata peratus berbanding 75.6 peratus pada tahun 2020 seperti (Carta 3.9)

Carta 3.9 Statistik utama siswazah, Perlis, 2020-2021



Seramai 31.0 ribu orang siswazah bekerja di Perlis pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.7 peratus (2020: 28.5 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah 1.6 ribu orang (2020: 1.9 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Perlis pada tahun 2021 ialah 4.8 peratus (2020: 6.4%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 25.2 peratus daripada jumlah siswazah di Perlis iaitu seramai 11.0 ribu orang pada tahun 2021, meningkat 11.4 peratus daripada 9.8 ribu orang pada tahun sebelumnya.


Perbandingan mengikut jantina di Perlis menunjukkan komposisi siswazah di Perlis didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 64.3 peratus (28.0 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 35.7 peratus (15.5 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 83.7 peratus manakala siswazah perempuan adalah 69.9 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih rendah iaitu 2.7 peratus berbanding perempuan 6.2 peratus (Carta 3.10).

43.5 ribu

Bilangan
siswazah
Perlis, 2021

32.5 ribu

Bilangan tenaga
buruh siswazah
Perlis, 2021

Carta 3.10 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Perlis, 2021

Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 19.6 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 8.7 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 4.3 peratus kepada 13.0 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Perlis adalah seramai 12.6 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (18.3 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 21.0 peratus dari keseluruhan penganggur atau 0.4 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 1.2 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 40.2 peratus kepada 8.4 ribu orang manakala siswazah lelaki merekodkan penurunan 33.8 peratus kepada 2.5 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Perlis, 2021

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Perlis pada tahun 2021 adalah RM4,380 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM4,315. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM4,186 pada tahun 2021 meningkat dari RM4,088 pada tahun sebelumnya. (Jadual 3.11)

Jadual 3.11 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Perlis, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^a	2021 ^a
Purata gaji (RM)	4,315	4,380
Penengah gaji (RM)	4,088	4,186

64.3%

Sumbangan
siswazah
perempuan
berbanding
lelaki, 2021

**RM 4,380**

Purata gaji &
upah siswazah di
Perlis, 2021

MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018. Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

484.1 ribu
Bilangan migrasi
Malaysia, 2020



1.5%
Kadar migrasi
Malaysia, 2020

Carta 3.11 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020



MIGRASI NEGERI

Kadar migrasi Perlis

Pada 2020, Perlis mencatatkan kadar migrasi 1.7 peratus berbanding 1.6 peratus pada tahun 2018. Peratusan migrasi Perlis datangnnya daripada migrasi dalam negeri iaitu 43.3 peratus, diikuti migrasi antara negeri (45.4%) dan migrasi antarabangsa (11.3%).

Migrasi antara negeri

Pada 2020, peratusan migrasi antara negeri bagi Perlis ialah 45.4%, menurun berbanding 29.7% pada tahun 2018. Migrasi bersih merekodkan Perlis sebagai negeri penghantar migran iaitu berkurang 1.3 ribu orang kepada 0.3 ribu orang berbanding 1.6 ribu orang pada 2018. Migrasi ke Perlis ramainya datang daripada negeri Selangor, Kedah, Melaka dan Perak. Manakala migrasi dari Perlis ramainya ke negeri Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan Perak.

Jadual 3.12 Lima negeri destinasi oleh migran dari Perlis dan negeri asal oleh migran ke Perlis, 2020

Negeri destinasi	Negeri asal
Pulau Pinang	Selangor
Melaka	Kedah
Kedah	Melaka
Perak	Perak
Johor	Pulau Pinang

Nisbah keberkesanan migrasi

Perlis mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi negatif pada 2020 sebanyak 8.0 peratus. Ini menunjukkan penduduk Perlis berkurang seramai 8 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2018 (-41.7%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Taburan peratus tertinggi migrasi antara negeri di Perlis adalah dari bandar ke bandar iaitu 69.9 peratus diikuti bandar ke luar bandar (30.1%).

1.7%

Kadar migrasi
Perlis, 2020



8.0%

Nisbah keberkesanan
migrasi, Perlis
2020

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERLIS

- Kedatangan pelawat, 2021
- Negeri asal pelancong, 2021
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021
- Terimaan pelancongan domestik, 2020
- Tujuan perjalanan, 2020



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada 2021, pelancongan domestik Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan oleh COVID-19 *lockdown*. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 66.0 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2021 dengan penurunan sebanyak 49.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 131.7 juta). Sejumlah 72.4 juta perjalanan pelancongan direkodkan berbanding 147.0 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan penurunan sebanyak 54.5 peratus, iaitu RM18.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM40.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM254 iaitu merosot sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2021 adalah 2.19 hari.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021

Statistik utama	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	131.7	66.0	-49.9
Bilangan perjalanan (juta)	147.0	72.4	-50.7
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	40.4	18.4	-54.5
Purata perbelanjaan (RM)	275	254	-7.5
Purata bilangan hari menginap (hari)	1.93	2.19	13.2
Purata perjalanan	1.12	1.10	-1.7

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

66.0 juta

Jumlah pelawat domestik, 2021

Bilangan **ketibaan** pelawat dan perbelanjaan menyusut pada tahun 2021

RM18.4 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2021

-67.8%

Kemerosotan
bilangan
pelancong pada
tahun 2021

**78.5%**

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun
2021

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2021 adalah seramai 51.1 juta orang dengan penurunan sebanyak 40.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong merosot daripada 46.3 juta orang pada tahun 2021 kepada 14.9 juta orang (-67.8%) seperti pada Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	85.4	51.1	-40.2
Pelancong	46.3	14.9	-67.8
Jumlah	131.7	66.0	-49.9

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2021, sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 78.5 peratus dan 21.5 peratus. Sumbangan perjalanan bermalam menyusut sebanyak 11.4 mata peratus berbanding 32.9 peratus yang dicatatkan pada 2020 (Paparan 4.1).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021

Perjalanan Harian


	2021	78.5%
	2020	67.1%

Perjalanan Bermalam

	2021	21.5%
	2020	32.9%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada COVID-19 lockdown, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan pelancong menyusut sebanyak 68.0 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian jatuh 36.3 peratus kepada RM11.0 bilion seperti pada Paparan 4.2.

Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021

-54.5%
Perbelanjaan pelancongan domestik merosot pada tahun 2021

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERLIS**Kedatangan pelawat, 2021**

Perlis menerima seramai 0.41 juta pelawat domestik pada tahun 2021 berbanding 1.19 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan pelawat didorong oleh kemerosotan bilangan pelancong sebanyak 68.5 peratus iaitu kepada 0.13 juta pelancong berbanding 0.41 juta pelancong pada tahun 2020 seperti pada Jadual 4.3.

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perlis, 2020-2021


Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	0.41	0.13	-68.5
Pelawat domestik	1.19	0.41	-65.9

0.41 juta
Ketibaan pelawat domestik di Perlis pada tahun 2021

Negeri asal pelancong, 2021

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Perlis pada tahun 2021. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari negeri Kedah adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.06 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Johor (0.02 juta pelancong) dan Pulau Pinang (0.01 juta pelancong).

Kedah
Negeri yang paling ramai berkunjung ke Perlis, 2021

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perlis, 2021

0.02 juta

Pelancong dari
Johor yang
mengunjungi
Perlis pada
tahun 2021



**Tasik
Timah Tasoh**
Destinasi
tumpuan utama
pelawat domestik
pada tahun
2021

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perlis pada tahun 2021, iaitu Tasik Timah Tasoh, Taman Rekreasi Tasik Melati, Arked Niaga Padang Besar, Padang Waremart dan Hutan Lipur Bukit Ayer.

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perlis, 2021




Terimaan pelancongan domestik, 2020

Pada tahun 2020, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM224 Juta telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Perlis. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak negatif 65.4 peratus dan negatif 51.5 peratus seperti pada (Paparan 4.4).


Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2020 merekodkan penurunan kepada RM180 berbanding nilai yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya iaitu RM215.

Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2019-2020



Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 29.4 peratus daripada jumlah terimaan (2019: 18.9%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (23.2%), bahan api kenderaan (15.0%) dan perbelanjaan isi rumah yang dilawati (11.9%) seperti pada Paparan 4.5.

Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Perlis mengikut komponen, 2019-2020



RM 224 juta
 Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke Perlis pada tahun 2020

29.4%
 Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen membeli-belah, 2020

Tujuan perjalanan, 2020

Pada tahun 2020, majoriti pelancong berkunjung ke Perlis untuk tujuan melawat saudara-mara & rakan iaitu sebanyak 72.1 peratus seperti Paparan 4.6. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percutian/mengisi masa lapang/berehat (27.0%) dan urusan rasmi/ pendidikan (0.9%).

Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Perlis, 2020



72.1%
 Melawat saudara-mara & rakan merupakan tujuan utama pelancong melakukan perjalanan ke Perlis, 2020

STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

- Jumlah perdagangan
- Eksport
- Eksport mengikut negara destinasi
- Import
- Import mengikut negara asal

SOROTAN PERDAGANGAN PERLIS

- Eksport dan import utama
- Eksport barangan
- Import barangan
- Rakan dagang utama
- Imbangan perdagangan

BAB

5



STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.23 trilion, meningkat 24.9 peratus atau RM444.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM1.78 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.24 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM987.3 bilion, sekali gus mendorong lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM253.7 bilion, meningkat 38.4 peratus daripada RM183.3 bilion pada tahun 2020.

Peningkatan jumlah perdagangan berlaku di kebanyakan negeri terutamanya Selangor yang meningkat RM112.6 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM94.4 bilion), Johor (RM87.4 bilion), Kedah (RM32.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM22.2 bilion), Sarawak (RM22.2 bilion), Perak (RM20.4 bilion), Pahang (RM13.0 bilion), Negeri Sembilan (RM13.0 bilion) Melaka (RM10.5 bilion) dan Terengganu (RM9.7 bilion).

Eksport

